

KHURAFAT, TAHYUL DAN MISTIK DALAM FILEM MELAYU: SOROTAN ISU-ISU FUNDAMENTAL

Oleh

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi
Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
zahiruddinabidi@um.edu.my

Abstrak:

Kertas kerja ini disediakan bagi membincangkan dan meringkaskan dapatan kajian lalu yang ada kaitan dengan isu khurafat, tahyul dan mistik dalam filem Melayu. Kajian yang dimaksudkan adalah tesis doktor falsafah oleh Dr. Mohd. Khairulnazrin Mohd Nasir (2020) berjudul “Hadith Tentang Roh dalam al-Kutub al-Tis’ah: Kajian Terhadap Keperluan Membangunkan Garis Panduan Representasi Unsur Roh dalam Filem Seram di Malaysia. Selain daripada itu kertas kerja ini juga merujuk buku tulisan penulis sendiri (2021) berjudul *Khurafat, Tahyul & Mistik di Alam Melayu*. Dr. Mohd Khairulnazrin telah menganalisis sebanyak 123 filem seram yang diterbitkan pada tahun 2010-2019 dan mengemukakan cadangan penyelesaian berkaitan isu ini dengan menghasilkan Garis Panduan Representasi Unsur Roh dalam Filem Seram di Malaysia (GPF-ROH). Manakala bagi objektif penegasan kertas kerja ini, penulis menegaskan ia adalah kerana tidak faham dan salah faham konsep iman terhadap hakikat alam dan makhluk ghaib.

Kata kunci: Khurafat, Tahyul, Mistik, Filem Melayu, Ghaib, Roh

Pendahuluan

Filem sebagai salah satu bentuk seni popular mempunyai pengaruh yang besar terhadap masyarakat. Di Malaysia, antara genre filem yang pernah mendapat kutipan yang tinggi adalah genre filem seram. Namun sering kali filem seram menonjolkan elemen-elemen khurafat, tahyul, dan mistik, yang mana unsur-unsur tersebut berpotensi untuk mempengaruhi pemahaman masyarakat terhadap agama dan konsep alam ghaib. Filem Melayu, khususnya yang bertemakan seram, sering kali menyajikan gambaran roh, jin, dan makhluk ghaib yang dipersembahkan secara dramatik untuk menarik minat penonton. Namun begitu, representasi ini sering kali tidak disertakan dengan pemahaman agama yang sahih, mengakibatkan salah faham terhadap konsep iman terhadap alam dan makhluk ghaib.

Tujuan utama artikel ini adalah untuk membincangkan permasalahan asas yang timbul daripada representasi khurafat, tahyul, dan mistik dalam filem Melayu. Artikel ini juga akan mengulas dapatan kajian daripada tesis doktor falsafah oleh Dr. Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir (2020) manakala dari sudut latar sejarah budaya pemikiran beragama masyarakat Melayu pula, buku *Khurafat, Tahyul & Mistik di Alam Melayu* (2021) menjadi rujukan utama.

Khurafat

Kalimah 'khurafat' adalah istilah serapan daripada bahasa Arab yang bermaksud kepercayaan yang karut, dongeng dan tahyul.¹ Dalam bahasa Inggeris khurafat diterjemahkan sebagai *superstition*. Menurut *Cambridge Dictionary* (dalam talian) *superstition* bermaksud: "*belief that is not based on human reason or scientific knowledge, but is connected with old ideas about magic, etc....*"² Manakala *Merriam-Webster* (dalam talian) pula memberikan dua takrif terhadap *superstition*³:

1.
A belief or practice resulting from ignorance, fear of the unknown, trust in magic or chance, or a false conception of causation;
An irrational abject attitude of mind toward the supernatural, nature, or God resulting from superstition
2.
A notion maintained despite evidence to the contrary

Daripada bahasa Arab kalimah خرافة jika diterjemahkan secara literal dalam bahasa Inggeris ialah 'myth' atau dimelayukan jadi 'mitos'.

Dalam sebuah makalah mengenai garis panduan terbitan JAKIM yang berjudul *Khurafat & Azimat: Garis Panduan*⁴, dinukilkan takrif khurafat daripada beberapa kamus Arab-Melayu. Menurut kertas tersebut, tujuan garis panduan itu dikeluarkan adalah untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat awam mengenai bahaya kepercayaan terhadap perkara khurafat dan azimat yang boleh memberikan kesan terhadap 'aqidah seseorang Muslim. Panduan tersebut dikeluarkan berdasarkan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Bil: 3/40/96 yang bermesyuarat pada 7-9 Ogos 1996.

Dalam mentakrifkan khurafat, mereka merujuk beberapa kamus antaranya *al-Mu'jam al-Wāsīt* (juzuk 1, h. 237), خرافة ditakrifkan sebagai – الحديث المستملح المكذوب - yang bermaksud: "Cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta." Menurut kamus *al-Munjid fī al-Lughatu wa'l-A'lām* (h. 175) pula – الحديث الباطل مطلقا – yang bermaksud: "Cerita-cerita yang mutlak kebatilannya." Manakala menurut *Kamus al-Marbawi* pula: "Cerita karut (karut-marut)." Daripada beberapa definisi tersebut pihak JAKIM menyimpulkan:

"Khurafat ialah semua cerita sama ada rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam."

Mereka juga menambah:

"Berdasarkan takrif di atas, khurafat merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut dan dusta."

Kemudian mereka mengemukakan enam ciri khurafat yang dirumuskan daripada pemerhatian terhadap amalan orang Islam di Malaysia secara umumnya:

¹ <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=khurafat>

² <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/superstition>

³ <https://www.merriam-webster.com/dictionary/superstition>

⁴ http://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/garis_panduan_khurafat_dan_azimat.pdf

Wacana Patuh Syariah 1.0

- i. Ia tidak didasarkan pada nas-nas syarak sama ada al-Quran atau al-Hadith.
- ii. Ia merupakan cerita rekaan, dongeng, khayalan dan kepercayaan karut.
- iii. Ia bersumberkan kepada kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan Islam.
- iv. Ia berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus untuk tujuan yang memudaratkan dan menyeleweng dari aqīdah Islam.
- v. Ia menggunakan objek tertentu seperti kubur, pokok dan sebagainya untuk tujuan tertentu.
- vi. Ia ada atau mempunyai unsur negatif kepada ‘aqīdah dan syariat Islam.

Seterusnya mereka membincangkan mengenai tujuh bentuk khurafat yang didapati wujud dan masih berkembang dalam masyarakat kita di Malaysia atau Alam Melayu secara umumnya:

- i. Kepercayaan kepada keramat seperti kubur, pokok kayu, telaga keramat, batu, bukit, tongkat dan sebagainya.
- ii. Kepercayaan kepada sial-majal seperti adat mandi safar, adat mandi membuang sial dan sebagainya.
- iii. Kepercayaan kepada jin dan memohon daripada mereka dalam adat seperti memuja kampung, adat merenjis tepong tawar, adat memuja pantai dan sebagainya.
- iv. Kepercayaan kepada bertambah dan berkurang rezeki seperti adat memuja semangat padi yang dilakukan oleh petani antaranya ritual bersemah dan membuang ancak di sungai dan laut serta bermain pantai.
- v. Kepercayaan kepada petanda dan pantang larang, contohnya seperti tidak boleh melihat bayi di muka cermin kerana kelak boleh menyebabkan kematiannya dalam air. Tidak boleh keluar rumah jika ada gagak berbunyi kerana takut terkena sial dan bala atau sebagainya.
- vi. Percaya kepada amalan yang berkaitan dengan bintang, angka-angka atau rajah tertentu yang disangka boleh memberikan manfaat seperti memakbulkan hajat dan melindungi diri sekali gus membuang sial dan bala.
- vii. Percaya sehingga memuja objek tertentu, roh nenek moyang, kuburan yang dianggap mempunyai keramat khususnya kuburan golongan yang dianggap sebagai wali.

Jika kita bertanya daripada manakah munculnya semua ciri dan bentuk khurafat yang dinyatakan di atas, maknanya kita tidak mampu menafikan ia merupakan kesinambungan daripada **Produk Sejarah, Kebudayaan & Pemikiran Melayu Lama** sedari dari zaman Animisme, Dinamisme, Hindu-Buddha ditambah pula dengan kejahilan umat terhadap skema dan konsep keimanan kepada alam dan makhluk ghaib menurut panduan wahyu yang hakiki – al-Qur’ān dan al-Sunnah.

Tahyul

Kalimah ‘tahyul’ yang juga dieja ‘tahayul’ dan ‘takhayul’ dalam bahasa Indonesia pada asasnya mempunyai makna yang lebih kurang sama dengan ‘khurafat’ dalam pelbagai aspek. Menurut *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Oxford* (cet. ke-6), tahyul berasal daripada kalimah ‘khayal’ dengan maksud apa yang tergambar dalam minda seseorang mengenai sesuatu hal sama ada dalam keadaan sedar atau tidak. Tahyul juga diertikan dengan percaya kepada perkara yang mustahil dan tidak masuk akal atau percaya kepada sesuatu perkara boleh memberikan manfaat dan mudarat kepada diri.⁵

‘Khayal’ juga adalah kata serapan dan pinjaman daripada bahasa Arab yang berasal dari kalimah خيال yang kemudian jika diterjemah dalam bahasa Inggeris adalah ‘fiction’ atau sudah dimelayukan sebagai ‘fiksyen’. *Fiction* menurut *Encyclopaedia Britannica* melibatkan kesusasteraan: “... *literature created*

⁵ Dr. Abd. Rauf Dato’ Haji Hassan *et. al.* (2015), *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab*, Shah Alam: Oxford Fajar, cet. 6, h. 250

from the imagination, not presented as fact, though it may be based on a true story or situation. Types of literature in the fiction genre include the novel, short story, and novella.” Apa yang lebih menarik adalah asal kalimah *fiction* adalah daripada kalimah Latin, *fictiō* yang bermaksud: “*the act of making, fashioning, or molding.*”⁶

Menurut sebuah latihan ilmiah, tahyul adalah sebahagian daripada khurafat, cumanya tahyul lebih berkaitan dengan **punca** dan **kesan** terhadap **psikologi** akibat membesar dengan persekitaran yang penuh dengan elemen khurafat itu sendiri.⁷ Pemikiran tahyul muncul dan mendasar dalam minda masyarakat Melayu Islam kerana banyak khurafat tinggalan Tamadun, Sejarah, Kebudayaan & Pemikiran Melayu Kuno khususnya pada zaman sebelum Islam yang masih subur sehingga kini, sebahagiannya diterima dengan taqlid buta oleh generasi kini.

Mistik

Mistik atau juga dieja dengan kalimah Mistis menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*: “IB bersifat mistik, mengandungi mistik atau unsur-unsur ghaib: di kalangan masyarakat Dayak, Melayu memang dipercayai suatu kaum yg memiliki kuasa ~.” Mistik pula menurut sumber yang sama: “1. suluk, tasawuf: dlm hal agama dan ~, ayah sangat fanatik; 2. keadaan ghaib yg tidak dapat diselami oleh pemikiran manusia, keanehan, keajaiban; kemistikan keadaan mistik.”⁸ Takrif ini dikritik kerana pengaruh faham mistik dikaitkan dengan taşawwuf Islam sedangkan taşawwuf Islam mempunyai asas-asasnya yang tersendiri, namun bukan rahsia ramai Orientalis Barat yang mengkaji taşawwuf dan tařiqat gemar menjenamakannya sebagai *Mystic*⁹.

Menurut Cambridge Dictionary, *Mystic* bermaksud: “*a person who tries to communicate directly with God or other forces controlling the universe.*” Manakala sumber yang sama versi UK mentakrifkan *Mysticism* dengan: “*the belief that there is hidden meaning in life or that each human being can unite with God.*” Manakala versi US pula: “*the belief that it is possible to directly obtain truth or achieve communication with God or other forces controlling the universe by prayer and contemplation (= serious, quiet consideration).*”¹⁰

Satu maklumat yang menarik daripada laman Merriam Webster pada bahagian *History and Etymology for Mystic*: “*Middle English mystyke "open to symbolic or spiritual interpretation," borrowed from Latin mysticus "of secret rites, secret," borrowed from Greek mystikós, from mýstēs person initiated (into a religious cult)" (probably from mys-, variant stem of mýein "to close, shut [the eyes]"—of uncertain origin— + -tēs, agent suffix) + ikos.*”¹¹ Manakala Britannica English Arabic Translation menterjemahkan *Mystic* kepada kalimah رَاهِدٌ مُتَّصِفٌ بِطَائِنِيٍّ (adjective) manakala رَاهِدٌ تَقِيٌّ (noun).

⁶ <https://www.britannica.com/art/fiction-literature>

⁷ Mohd Farhan bin Md Ariffin, “Khurafat dan Tahyul Serta Penyelesaiannya Menurut Hadith: Analisis Terhadap Filem Seram di Malaysia” (Latihan Ilmiah Sarjana Muda) Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith APIUM, Kuala Lumpur

⁸ <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=mistik>

⁹ Sebagai contoh *The Mystics of Islam* karya Reynold A. Nicholson, *Mystical Dimensions of Islam* karya Annemarie Schimmel, *Sufism: An Introduction to the Mystical Tradition of Islam* karya Carl W. Ernst, *Early Islamic Mysticism: Sufi, Qur'an, Mi'raj, Poetic and Theological Writings (Classics of Western Spirituality)* karya Michael Anthony Sells, *Mystical Islam: An Introduction to Sufism* karya Julian Baldick, *Sufism: A New History of Islamic Mysticism* karya Alexander Knysh, *Mystical Tradition: Judaism, Christianity and Islam* karya Luke Timothy Johnson dan banyak lagi. Malah tokoh besar Malaysia dalam bidang tamadun, sejarah, falsafah dan pemikiran Islam iaitu YM Tan Sri Profesor Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931-____) menulis tesis berjudul *The Mysticism of Hamzah Fansuri* yang sudah dibukukan.

¹⁰ <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/mystic>

¹¹ <https://www.merriam-webster.com/dictionary/mystic>

Laman yang sama juga mentakrifkan *Mysticism* sebagai: “1. *the experience of mystical union or direct communion with ultimate reality reported by mystics,*” dan: “2. *the belief that direct knowledge of God, spiritual truth, or ultimate reality can be attained through subjective experience (such as intuition or insight),*” juga: “3. *a: vague speculation: a belief without sound basis, b: a theory postulating the possibility of direct and intuitive acquisition of ineffable knowledge or power.*” Ironinya, kebanyakan daripada takrif Mistik/Mystic ini berbeza dengan konteks kefahaman Mistik dalam psike (cara fikir dan faham) orang Melayu Nusantara.

Apa yang *Kamus Dewan Bahasa Keempat* takrifkan mungkin paling dekat dengan kefahaman tentang Mistik di Alam Melayu iaitu: “... keadaan ghaib yg tidak dapat diselami oleh pemikiran manusia, keanehan, keajaiban; kemistikan keadaan mistik”.

Ini kerana apabila disebutkan tentang Mistik biasanya dikaitkan dengan fenomena ghaib dan ajaib di mata mereka. Cuba kita lihat bagaimana penulis buku *Mistik Alam Melayu*, Naim Tamdjis (2019) membahaskan isu ini melalui data-data yang beliau soroti daripada karya para Orientalis khususnya R. O. Winstedt (1878-1966) melalui karyanya seperti *The Malay Magician* (1960), *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of The Evolution of Malay Magic* (1925) dan juga Walter William Skeat (1835-1912) berjudul *Malay Magic: Being an Introduction To The Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula* (1900).¹²

Wasilah Perkembangan Pemikiran Khurafat, Tahyul dan Mistik

Pemikiran khurafat, tahyul dan mistik ini berpunca dan berkembang dalam masyarakat Melayu-Islam di Alam Melayu kesan daripada tradisi kesusasteraan Melayu klasik dan tradisional khususnya kesusasteraan lisan Melayu lama dalam bentuk mitos, dongeng, legenda dan cerita rakyat. Kita semua juga maklum akan pengaruh agama sebelum Islam dan bangsa-bangsa yang pelbagai seluruh dunia yang datang ke Alam Melayu semenjak sebelum masihi mempengaruhi tradisi kesusasteraan lisan seterusnya tradisi persuratannya.¹³

Pada ‘blurb’ buku *Malay Folk Beliefs* ditulis:

*“Besides Islam, which is the professed religion of the Malays, the folk in the kampong (village) still subscribe to the belief elements which they have inherited from their distance past. The author argues that this different element which are derived from the animistic and Hindu-Buddhistic period of the Malay history may seem to be desperate, but they are well-intergrated in the worldview of the Malay folk beliefs.”*¹⁴

Meskipun demikian, hakikatnya ia menjadi satu masalah besar apabila sebahagian daripada dongeng, mitos, legenda dan cerita rakyat tersebut khususnya yang melibatkan alam dan makhluk ghaib dianggap benar-benar pernah berlaku dan boleh berlaku lagi jika adat dan pantang larang tertentu dilanggar oleh orang semasa sekali gus ia menjadi i’tiqād yang dipercayai dan diyakini sedangkan ketika itu Islam sudah datang dan mereka pun sudah beragama Islam.

¹² Lihat Naim Tamdjis (2019), *Mistik Alam Melayu*, Ampang: Patriots Publication, h. 2-7

¹³ Lihat Ding Choo Ming, Van Der Molen, Willem (ed.) (2018), *Traces of the Ramayana and Mahabharata in Javanese and Malay Literature*, Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute

¹⁴ Lihat Mohd Taib Osman (1989), *Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

l'tiqād, kepercayaan dan pegangan tersebut ternyata bersalahan dengan asas 'aqidah tawhid yang Islam pasakkan sedari awal asas Rukun Islam dan Rukun Iman iaitu keimanan terhadap perkara ghaib sama ada berkaitan dengan alam dan makhluknya mestilah hanya secara mutlak daripada Allah dan Rasulullah SAW melalui al-Qur'an dan al-Sunnah, bukan melalui mitos, legenda, cerita rakyat yang bercampur khurafat, tahyul dan mistik (meskipun tujuan asalnya adalah baik untuk memberikan pengajaran). Situasi ini menjadikan umat Melayu yang sudah Islam masih terkesan dengannya sekali gus melahirkan generasi yang tanpa sedar mudah terjerumus dalam Bid'ah, Ḍalāl dan Shirk.

Apa yang lebih membimbangkan adalah apabila Islam sudah masuk menapak di Alam Melayu dan tradisi kesusasteraan dan persuratan Melayu mula beralih daripada tradisi Hindu-Buddha kepada Islam, pengaruhnya tradisi lama itu masih kuat. Meskipun karya-karya yang dinamakan oleh pengkaji sebagai 'Sastera Hikayat Berunsur Islam'¹⁵ mula memfokuskan penulisan bertemakan cerita nabi dan rasul serta sahabat-sahabat Rasulullah dan para ulama Islam serta pahlawan-pahlawan Islam, namun kaedah penerimaan riwayat kisah-kisah tersebut seterusnya kaedah penulisan hikayat tersebut tidak mengambil asas periwayatan dalam Islam yang mementingkan kekuatan sanad dan kesahihan sesuatu riwayat apatah lagi kisah-kisah berkaitan nabi dan rasul serta kisah-kisah makhluk dan alam ghaib yang lain.¹⁶

Kesannya adalah, manuskrip-manuskrip hikayat genre ini seterusnya menjadi bercampur aduk antara riwayat yang sahih dan yang batil sama ada disebabkan riwayat itu sendiri tidak sahih kerana datang daripada sumber riwayat Isrā'īliyyat, Ḥadīth Mawḍū' dan Fitnah Sīrah atau penambahan hasil khayalan dan kreativiti pengarangnya sendiri kerana pengaruh tradisi kesusasteraan Melayu semenjak zaman Hindu-Buddha lagi. Maka tidak peliklah sehingga abad ke-17 dan ke atas ketika mana tradisi persuratan Islam berasaskan ilmu-ilmu Islam mula berkembang dengan pesatnya menggantikan tradisi kesusasteraan hikayat unsur-unsur batil tersebut masih berkembang seiring dengan tradisi keilmuan Islam itu sendiri.

Meskipun kemudian Alam Melayu melalui ulama-ulamannya melahirkan pelbagai karya ilmu Islam dalam bidang 'aqidah, fiqh dan tasawuf namun dalam masa yang sama elemen-elemen khurafat, tahyul dan mistik juga berkembang dan berevolusi bersamanya, ini adalah sebuah keironian yang tidak sewajarnya berlaku kerana tujuan utama turunya Islam melalui seluruh nabi dan rasul sehinggalah Rasulullah SAW yang kemudian diperturunkan melalui al-Quran dan al-Sunnah adalah untuk mencapai tahap kemutlakan tawhid kepada Allah SWT dan membebaskan umat Islam sekali gus manusia daripada sebarang unsur yang boleh membawa kepada Bid'ah, Ḍalāl dan Shirk kepada Allah SWT!

Pada zaman moden ini pula, ketika mana kesusasteraan menjadi satu bidang kajian akademik di universiti tempatan dan luar negara, kajian-kajian terhadap manuskrip karya-karya klasik Melayu tersebut kebanyakan dikaji dari sudut **kesusasteraannya**, tidak dari sudut kedudukan isinya pada timbangan **ilmu riwāyah dan dirāyah**, hukum-hakam **'aqidah dan syariat Islam** melainkan sedikit daripadanya sahaja.

Untuk perbincangan yang lebih mendalam tentang isu di atas mohon rujuk buku penulis sebelum ini yang berjudul *Isrā'īliyyat, Ḥadīth Mawḍū' & Fitnah Sīrah di Alam Melayu* (2019) yang membahaskannya secara khusus beserta karya-karya contoh. Ternyata pemikiran khurafat, tahyul dan mistik ini mempunyai kaitan yang kuat dengan dua unsur dan sebab yang dibahaskan dalam makalah ini dan buku sebelumnya iaitu **Kerancuan Produk Tamadun, Sejarah, Kebudayaan & Pemikiran Melayu Kuno** dan **Kerancuan Produk Tradisi Lisan dan Penulisan Kesusasteraan Melayu Tradisional**

¹⁵ Lihat Ismail Hamid (1983), *The Malay Islamic Hikayat*, Bangi: UKM Press

¹⁶ Lihat Ismail Hamid, Wahyunah Abd. Gani (pylgr.) (2002), *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

yang kedua-duanya perlu diambil kira konteks dari zaman **Animisme, Dinamisme, Hindu, Buddha dan Islam**.

Sejatinya, pemikiran khurafat, tahyul dan mistik ini masih berfungsi dengan aktif tatkala melibatkan apabila seseorang (Islam atau bukan Islam) itu:

- i. Ada hajat (dianggap ikhtiar) yang mahu diperolehi sama ada dengan cara betul atau salah, halal atau haram termasuk untuk 'buat orang lain', juga
- ii. Untuk berubat (dianggap ikhtiar) sama ada sakit bersifat mistik dan batin atau sakit yang melibatkan penyakit umum yang kronik seperti kanser dan seumpama.

Oleh kerana terdedak dan termakan dengan bujukan iblis laknatullah, pertimbangan waras akal dan syariat diketepikan kerana mahu mencapai dan memperolehi apa yang dikehendaki meskipun terpaksa mempertaruhkan sebuah 'aqidah dan iman. Jadi di sini kita cuba bahaskan isu-isu yang berkaitan bersumberkan karya-karya yang bersifat merakam kepercayaan dan ritual bersabit dua faktor di atas dan cuba kaitkan dengan kesemasaan sama ada ia masih wujud atau tidak pada zaman sekarang ini.

Isu yang paling mendasar ialah tidak memahami akan hakikat bahawa sumber kepada segala yang ghaib mesti hanya mutlak datang daripada al-Quran dan al-Sunnah yang sahih sahaja, selain daripada kedua sumber itu adalah tertolak sama sekali. Tapi kesan daripada kerancuan dua produk yang kita bahaskan sebelum ini menyebabkan sebahagian umat Islam-Melayu akses kepada alam dan makhluk ghaib melalui jalan selain daripada Allah dan Rasulullah SAW.

Berbalik kepada wacana asal kita dalam melihat kesan-kesan daripada pemikiran khurafat, tahyul dan mistik ini di Alam Melayu dengan realiti semasa, kita lihat analisis dan pengkategorian di bawah yang dirumuskan berdasarkan buku *Mistik Alam Melayu* (2019)¹⁷.

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam 'Perubatan Melayu'

Sebelum Islam datang ke Alam Melayu lagi, orang Melayu sudah punya kearifan tersendiri mereka dalam hal perubatan iaitu perubatan herba dan kepandaian melibatkan urat sendi (fisioterapi) yang dikenali sebagai mengurut, keduanya diperakukan secara saintifik kini. Asasnya perubatan herba dan mengurut adalah harus, cuma berdasarkan sebahagian besar daripada manuskrip perubatan Melayu berlaku percampuran dalam isu perubatan herba dan mengurut seperti jampi serapah memuja dan memanggil roh tertentu, menggunakan jin sebagai khadam untuk berubat dan seumpama.

Sir Frank Athelstane Swettenham (2016) dalam buku *Malay Sकेctches (Annotated Edition)* menyebut perihal orang Melayu sama ada dalam kalangan bangsawan mahupun orang kebanyakan, apabila mereka sakit pada peringkat awal mereka akan pergi kepada bomoh, pawang, dukun, poyang dan seumpamanya terlebih dahulu. Apabila sakit tersebut semakin tenat dan tidak ada harapan, tatkala sedang nazak dan menghadapi kematian baharulah mereka akan panggil imam, bilal, siak, orang surau/masjid, orang pondok untuk baca Yasin.¹⁸

Antara buku-buku yang boleh dirujuk membincangkan hal ini antaranya:

- i. *Falsafah dan Prinsip Asas Perubatan Melayu* karya Nornizam Ngadeni
- ii. *Kitab Perubatan Melayu al-Rahmah fī al-Ṭibb wa al-Ḥikmah* karya Abbas Kuta Karang

¹⁷ Naim Tamdjis (2019), *ibid*.

¹⁸ Swettenham, F. A. (2016), *Malay Sकेctches (Annotated Edition)*, Kuala Lumpur: Silverfish Books. Edisi asal terbit pada tahun 1884, edisi terjemahan bahasa Melayu dengan judul *Perihal Orang Melayu* pula diterbitkan oleh UM Press pada tahun 2003

- iii. *Kitab Perubatan Melayu: Rumah Ubat di Pulau Penyengat* karya Raja Haji Ahmad bin Raja Hasan al-Haj
- iv. *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu* karya Harun Mat Piah
- v. *Kitab Tib MSS 1292 PNM edisi dan suntingan teks* oleh Harun Mat Piah dan Nik Musa'adah Mustapha
- vi. *Kitab Tib Mss 2515 Perpustakaan Negara Malaysia: Kajian Teks dan Suntingan*
- vii. *Kitab Tib Muzium Terengganu: Edisi dan Huraian Teks* selenggaraan Harun Mat Piah
- viii. *Magic and Divination in Malay Illustrated Manuscripts* karya Farouk Yahya
- ix. *Malay Poisons and Charm Cures* karya John D. Gimlette
- x. *MSS 2999 Kitab Tib: Pandangan dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu*
- xi. *Perubatan Melayu Berdasarkan Manuskrip Kitab Tibb Melayu* karya Nornizam Ngadeni
- xii. *Perubatan Tradisional: Aplikasi Semasa* karya Darlina Md. Naim et. al.
- xiii. *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Orang Melayu* karya Haliza Mohd. Riji
- xiv. *Siri Malay Culture of Healing: Royal Healer dan Medicines in Malay Villages* karya Prof. Dr. Roland Werner, vol. 1 dan vol. 2
- xv. *Ṭayyib al-Iḥsān fī Ṭibb al-Insān* karya Wan Ahmad bin Wan Muhammad Zayn al-Fatani
- xvi. *Warisan Perubatan Melayu* selenggaraan A. Samad Ahmad

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam 'Ritual Mistik Kebudayaan'

Ritual mistik ini juga biasanya dibuat apabila melibatkan sakit dan hajat. Kalau di belah pantai timur ada ritual seperti Mak Yong, Manora, Bageh, Ulik Mayang dan pelbagai lagi bertujuan untuk berubat, berhajat atau bayar nazar. Asas kepada ritual khas dilakukan dengan ada keyakinan bahawa ia mampu mengubati penyakit bersabit dengan gangguan makhluk halus, bertujuan memulihkan semangat dan juga memuja semangat. Ia mempunyai tatacara ritual dan pantang larangnya yang tersendiri beriringan dengan kepercayaan yang tersendiri. Biasanya ia diiringi dengan jampi serapah dan alunan muzik tradisional yang mengasyikkan bagi tujuan pemujaan memanggil dewa-dewi atau roh-roh tertentu.

Bahan bacaan lanjut topik ini antaranya:

- i. *Unsur-unsur Menurun dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional* oleh Amran Kasimin
- ii. *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran* oleh Haron Daud

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam 'Mitos dan Legenda'

Mitos, legenda, dongeng, epik juga dikenali sebagai cerita rakyat (*folklore*) dan ia berkembang dalam bentuk sastera lisan. Ia adalah cerita yang disampaikan dari mulut ke mulut secara turun temurun sebelum bermula era sastera tulisan dalam bentuk hikayat. Perekaan dan penciptaan cerita-cerita ini mempunyai motif-motif yang tersendiri antaranya untuk mendidik, meningkatkan nilai moral, menakut-nakutkan rakyat bawahan, mengangkat satu-satu subjek dengan pelbagai kelebihan seperti kesaktian dan memburukkan sesuatu subjek dengan pelbagai jenis pengakhiran yang tidak baik.

Ironinya mitos, legenda, epik dan dongeng boleh dimanipulasikan oleh sesiapa sahaja yang pandai bercerita berdasarkan keperluan dan kepentingan semasa. Meskipun kemudian sebahagian besar daripada mitos, legenda dan dongeng ini kita jumpa dalam hikayat yang bertulis namun ia dijadikan sebagai suatu bentuk pengungkapan pengarang bagi melapisi makna sebenarnya. Ia sengaja ditulis secara bercampur-aduk antara fakta sejarah dan mitos, legenda dan dongeng, demikian kaedah kepegangan zaman awal Islam di Alam Melayu pasca era Hindu dan Buddha sebelum munculnya era Sastera Kitab. Antara contoh terbaik karya yang mempunyai unsur tersebut adalah *Hikayat Hang Tuah/Tuha* dan *Sulalat al-Salatin* (Sejarah Melayu) sendiri.

Antara buku kajian tentang topik ini adalah:

- i. *Malay Folk Beliefs: An Intergration of Disparate* oleh Prof. Emeritus Dr. Mohd. Taib Osman dan karya-karya beliau yang lain
- ii. *The Malay Islamic Hikayat* oleh Prof. Dr. Ismail Hamid

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam ‘Kepercayaan Hantu’

Boleh dikatakan setiap negara dan bangsa di dunia ada hantu versi mereka masing-masing, ini termasuk orang Melayu di Nusantara ini. Di Malaysia sendiri, Melayu dengan hantunya, Cina dengan hantunya dan India dengan hantunya termasuklah etnik-etnik lain sekalipun. Bermula daripada kepercayaan terhadap semangat atau mambang yang kemudian berkembang kepada roh orang mati dalam keadaan tidak baik bertukar menjadi hantu. Kepercayaan mengenai hantu tidak pernah wujud dalam mana-mana ajaran agama tawhid, ini kerana wahyu daripada Allah hanya mengatakan selain daripada manusia, syaitan yang membuat kejahatan dan maksiat kepada Allah adalah daripada kalangan jin (iblis sendiri adalah berbangsa jin¹⁹).

Kepercayaan orang mati dalam keadaan tidak baik kemudian bertukar menjadi hantu adalah ajaran dalam ‘aqidah agama Buddha, oleh sebab orang Melayu di Nusantara pernah menganut agama Buddha dicampur pula dengan kepercayaan lama mereka tentang semangat atau mambang maka konsep hantu diterima dan diyakini juga sekali gus bersama penerimaan mereka terhadap konsep iman dalam Islam. Ironinya keduanya adalah bersalahan antara satu sama lain! Kita tidak menolak adanya gangguan makhluk halus dalam pelbagai cara terhadap manusia, cuma Islam mengajarkan bahawa ia bukan daripada hantu²⁰ tapi sebenarnya daripada iblis-jin.

Bagi memahami hakikat hantu-jin-iblis ini, antara buku yang bagus dirujuk antaranya:

- i. *Jin dan Syaitan dalam Kehidupan Manusia* oleh Wahid Abdussalam Bali
- ii. *Ensiklopedia Alam Jin, Syaitan & Pelindung Diri* oleh Mahmud al-Misri
- iii. *Kitab Pengetahuan Hantu Malaysia* oleh Banny Lim
- iv. *Karut! Apabila Iman Sekadar Teka-teki* oleh Ahmad Iqram Mohamad Noor
- v. *Kau Sembah Apa?* oleh Ahmad Iqram Mohamad Noor
- vi. *Tahyul dan Kepercayaan* oleh Haji Mokhtar Hj. Md. Dom

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam ‘Sihir dan Ilmu Hitam’

Sihir, ilmu hitam atau juga dipanggil dalam bahasa Inggeris sebagai *black magic* sangat berkait rapat dengan ritual, jampi serapah dan interaksi dengan jin-iblis. Amalan sihir disebut dalam al-Quran²¹ dan mempunyai sejarahnya yang tersendiri, dalam Islam sihir adalah dosa besar yang ketiga ia boleh menatijahkan syirik kepada Allah yang merupakan dosa besar paling utama. Namun di Alam Melayu, istilah ‘berubat’ dan ‘ikhtiar’ menjadikan amalan sihir oleh bomoh, pawang, dukun, poyang, tukang nujum sebagai adat warisan dalam berubat sedangkan pada hakikatnya ia adalah sihir.

¹⁹ Surah al-Kahfi (18): 50. “Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: “Sujudlah kamu kepada Adam”; lalu mereka sujud melainkan iblis; (كَانَ مِنَ الْجِنَّ) **ia adalah berasal dari golongan jin**, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhannya. Oleh itu, patutkah kamu hendak menjadikan iblis dan keturunannya sebagai sahabat-sahabat karib yang menjadi pemimpin selain daripadaKu? Sedang mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amatlah buruknya bagi orang-orang yang zalim: pengganti yang mereka pilih itu.”

²⁰ Rasulullah SAW menyebut: “لَا غَوْلَ”. HR Muslim, no. 2222; Abu Dawud, no. 3913; al-Tirmizi, no. 2880; Lihat <https://sunnah.com/search/?q=%D9%84%D8%A7+%D8%BA%D9%88%D9%84>

²¹ Terdapat 23 ayat al-Quran yang mempunyai lafaz سِحْرٌ, ini tidak termasuk kata-kata terbitan bersabit dengannya. Lihat Fū’ad ‘Abd al-Baqī (2007), *al-Mu’jam al-Mufahras li al-Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, Kaherah: Dār al-Ḥadīth, h. 425

Campur-aduk antara perubatan tradisional yang menggunakan herba dan kepandaian fisioterapi seperti mengurut dengan pelbagai jenis ritual dan mantera menjadikan ia keliru bagi difahami dan dikenali sebagai sebuah sihir. Mutakhir ini pula memperlihatkan kaedah *Ruqyah Shar'iyah* (jampi patut syariah berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah) juga telah berlaku percampuran yang agak dahsyat sehingga kita boleh jadi keliru sama ada seseorang 'ustaz' itu benar-benar seorang perawat yang patuh syariah atau sebenarnya dirinya adalah seorang bomoh yang tidak patuh syariat.

Antara buku yang bagus membicarakan isu ini ialah:

- i. *Amalan Sihir & Ayat-ayat al-Quran* oleh Abdul Basir Mohammed
- ii. *Malay Poisons and Charm Cures* oleh John D. Gimlette
- iii. *Sihir: Perbuatan, Rawatan dan Pencegahan* oleh Khader Ahmad
- iv. *Santau Sebagai Satu Cabang Ilmu Sihir* oleh Amran Kasimin
- v. *Amalan Sihir Masyarakat Melayu: Satu Analisis* oleh Amran Kasimin
- vi. *Sihir: Satu Amalan Kebatinan* oleh Amran Kasimin
- vii. *Tanda Sihir & Kekuatan Roh untuk Mengatasinya* oleh Amran Kasimin

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam 'Adat, Pantang Larang dan Petua'

Adat, pantang larang dan petua pada peringkat awal tamadun orang Melayu dan tamadun lain disampaikan dari mulut ke mulut dengan tujuan tertentu. Ia tercipta hasil daripada pengalaman hidup orang tua-tua dalam hal ehwal berkaitan dengan kehidupan mereka sehari-hari. Namun sebahagian besar daripada adat, pantang larang dan petua ini bertentangan dengan syariat Islam khususnya 'aqidah Islam, justeru ia perlu ditolak kerana boleh menatijahkan kesan yang besar khususnya kepada 'aqidah seseorang.

Sebahagian besar adat, pantang larang dan petua ini pula adalah hasil pengaruh daripada peninggalan nenek moyang kita yang pernah menjalani kehidupan sebagai seorang yang percayakan animisme, dinamisme, Hindu dan Buddha. Maka tidak pelik pengaruh ajaran dan kepercayaan isme itu semua masih tersisa selepas Islam datang ke Alam Melayu, apatah lagi Islam di Alam Melayu memang tersohor dengan Islam yang meraikan kebanyakan aspek warisan adat budaya. Tidak dinafikan, ia memang benar. Namun Islam juga memberikan garis panduan apa bentuk adat, pantang larang dan petua yang boleh diterima serta apa yang mesti ditolak khususnya apabila ia boleh merosakkan 'aqidah.

Antara buku yang bagus bincang bab ini antaranya:

- i. *Adat Orang-orang Melayu yang Bertentangan dengan Akidah Islam* oleh Ismail Awang
- ii. *Kebudayaan Asli Melayu Tua I* oleh A. Talib Haji Ahmad
- iii. *Pantang Larang Orang Melayu Tradisional* oleh Wan Ramli Wan Muhammad dan Hanapi Dollah
- iv. *Adat dan Persepsi Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam* oleh Basri Ibrahim al-Hasani al-Azhari

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam 'Penujuman dan Peramalan'

Penujuman dan peramalan ada kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan ritual-ritual sihir dan ilmu hitam. Ia lebih kepada satu bentuk tilik nasib dan ramalan tentang masa depan mengenai seorang individu atau peristiwa. Islam mengharamkan kepercayaan dan perbuatan ini sama sekali, ia adalah satu daripada dosa besar sama ada si pelaku atau orang yang meminta ditilik nasib walau apapun kaedahnya.

Sebagaimana ilmu-ilmu salah yang lain, ilmu nujum dan ramalan ini juga berkembang di Alam Melayu sama ada berasal daripada nenek moyang dahulu atau pengaruh daripada agama dan bangsa lain yang datang ke Alam Melayu kemudiannya. Antara buku khas yang mengkaji bidang ini di Alam Melayu adalah:

- i. *Kitab Ilmu Nujum Melayu* oleh Haron Daud

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam 'Senjata Tradisional'

Senjata tradisional seperti keris, lembing, tombak, kelewang, lawi ayam, parang dan pelbagai senjata utama yang mempunyai ciri khas kebijaksanaan persenjataan orang Melayu sering dipercayai mempunyai unsur mistiknya yang tersendiri. Makanya muncul pelbagai kepercayaan dan ajaran seputar dengannya. Muncul pula pantang larang dan ritual-ritual khas dalam penjagaannya yang tidak boleh dilanggar sesuka hati. Walhal bila dikaji, rupa-rupanya semua ritual tersebut ada sebab yang begitu munasabah dan saintifik, sebagaimana contoh kenapa keris perlu diperasap dan dilimaukan? Tidak lain melainkan kerana, untuk membersihkan dan menjaga ia daripada karat dan bendasing lain daripada merosakkan bilah dan sarungnya.

Asasnya sesebuah senjata itu hanyalah sebuah senjata, dari sudut teknologi persenjataan atau pandai besi Melayu memang diiktiraf antara yang terhebat dan luar biasa. Buktinya keris yang boleh terpacak dengan sendiri, bukan kerana ada kuasa ajaib, ghaib atau jin tapi kerana kehebatan acuan besi yang mampu mengimbangi graviti sehingga ia boleh berdiri tegak dengan sendirinya. Oleh kerana susah untuk memberikan penjelasan saintifik kepada orang awam, maka kesimpulan mudahnya adalah keris tersebut ada penunggu dan kuasa ghaib.

Antara buku yang banyak membincangkan teknologi persenjataan Melayu adalah:

- ii. *The Kris: Mystic Weapon of The Malay World* oleh Edward Frey
- iii. *Keris and other Malay Weapons* oleh Gerald B. Gardner
- iv. *Keris Melayu Semenanjung: Satu Pengenalan* oleh Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad
- v. *Keris Warisan Melayu: Kris a Malay Heritage* oleh Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad, Muhammad Pauzi Abd Latiff
- vi. *Keris Melayu Semenanjung: Rupa Bentuk Keris Mengikut Negeri* oleh Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad

Realiti yang Mesti Diterima

Sesiapa sahaja tidak dapat menafikan, segala fenomena dan pemikiran khurafat, tahyul dan mistik ini sebahagian besarnya berpunca daripada faktor-faktor di atas iaitu faham orang Melayu tentang alam dan makhluk ghaib, faham tentang tradisi dan praktis perubatan Melayu (kemudian dikenali sebagai *Tib Melayu*), faham tentang ritual-ritual mistik, faham tentang mitos dan legenda sama ada secara lisan atau penulisan (karya sastera klasik), faham tentang kewujudan roh-mambang-hantu-puaka-jembalang, faham tentang sihir-ilmu hitam-magik, faham tentang adat resam-budaya-pantang larang-petua, faham tentang ilmu nujum dan ramalan, faham tentang keramat senjata tradisional Melayu dan lain-lain faktor lagi.

Kesemuanya isu ini berkisar kepada '*al-ghayb*' dan kejahilan mengenai hakikatnya berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, kerana segala yang bersabit dengan alam dan makhluk ghaib adalah ciptaan Allah SWT semata-mata. Maka rumus paling mudah yang mesti kita tahu adalah, Allah SWT sahaja yang paling tahu akan hakikat segala yang ghaib dan kita hanya tahu apa yang Allah SWT hendak dan izin kita tahu melalui sumber yang Allah SWT pilih sendiri iaitu hanya melalui al-Quran dan al-Ḥadīth *al-Ṣaḥīḥah*. Segala apa yang disembunyikan daripada kita maka tidak perlu kita ambil tahu dan cuba

memandai-memandai mencerooboh masuk ke dalamnya atas apa jua alasan, kerana ia memungkinkan pelbagai kemungkinan yang boleh merosakkan kita sendiri kelak.

Rumusan Kajian Dr. Mohd Khairulnazrin Nasir

Tujuan kajian ialah untuk menjelaskan tentang hakikat roh manusia berdasarkan kajian hadith tematik daripada al-Kutub al-Tis'ah. Kajian juga mengenal pasti jenis dan sumber idea asal bagi representasi unsur roh dalam filem-filem seram tempatan serta pengaruhnya kepada penonton, seterusnya mencadangkan pembangunan Garis Panduan Representasi Unsur Roh Dalam Filem Seram di Malaysia (GPF-ROH).

Metodologi kajian adalah berasaskan pendekatan kajian kualitatif dalam bentuk kajian kepustakaan dan kajian kes. Rujukan utama kajian ialah al-Kutub al-Tis'ah (Saḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunān Abū Dāwūd, Jāmi' al-Tirmidhī, Sunan al-Nasa'ī, Sunan Ibn Mājah, Muwaattā' Mālik, Musnad Aḥmad dan Sunan al-Dārimī).

Analisis kandungan melibatkan sampel sebanyak **123 buah filem seram** yang diterbitkan pada tahun 2010-2019. Dua orang informan yang mewakili pihak produksi filem seram telah terlibat dalam sesi temu bual. Pendekatan kajian kuantitatif turut diaplikasikan bagi meninjau tahap pengaruh representasi unsur roh dalam filem seram kepada para penonton dan **499 orang telah terlibat sebagai responden**. Kajian mendapati bahawa roh yang merupakan nadi kepada kehidupan menjadi topik perbincangan dalam konteks agama, budaya, falsafah dan perubatan moden.

Analisis hadith mendapati sebanyak 59 teks hadith yang membincangkan tentang roh dari pelbagai aspek; sejak awal penciptaan manusia sehingga alam Akhirat. Analisis kandungan filem mendapati bahawa terdapat 12 jenis representasi unsur roh telah ditayangkan kepada audiens dan sebahagian besarnya berunsurkan khurafat, syirik dan kufur. Pihak produksi filem seram lokal telah memanfaatkan pelbagai sumber bagi mendapatkan idea dan kecanggihan teknologi dalam merepresentasikan unsur roh sebagai elemen seram.

Hasil tinjauan mendapati majoriti responden keliru dan tidak mengetahui sama representasi unsur roh yang ditonton itu sahih atau sebaliknya, sementara ia menjadi kepercayaan negatif kepada segelintir responden lain. Keseluruhan dapatan kajian membantu dalam pembangunan Garis Panduan Representasi Unsur Roh Dalam Filem Seram di Malaysia (GPF-ROH). Cadangan garis panduan ini telah diberi penilaian oleh ahli-ahli Lembaga Penapis Filem (LPF) dan pakar-pakar dalam bidang akidah dan hadith. Kesimpulannya, dapatan kajian ini, khususnya GPF-ROH mampu membantu pihak Lembaga Penapis Filem (LPF), industri dan pengusaha filem seram serta penonton dalam mendapatkan informasi yang sahih tentang roh.

Kesimpulan

Seorang penulis skrip, pengarah, penerbit filem adalah seorang manusia yang jika agamanya adalah Islam maka wajib atas dirinya untuk tahu apa tanggungjawabnya (taklif) sebagai seorang Muslim kepada Allah, Rasul, umat dan dirinya sendiri. Justeru dalam daerah keharusan mencari rezeki melalui seni lakonan dan cabang-cabangnya, mereka tetap tidak terlepas daripada aspek kepatuhan kepada syariah. Ia mesti bermula dengan kesedaran bahawa agama Islam mempunyai kerangka kefahaman yang tersendiri dalam urusan berkaitan hal-hal ghaib dan sebarang pengkaryaan yang melibatkan aspek tersebut mestilah dalam daerah yang tidak melanggar batas-batas syarak sehingga memberikan kesan yang negatif khususnya kepada khalayak penonton. Lebih daripada itu mereka juga adalah para

pendakwah yang jika kena caranya pahala dakwah mereka lebih luas menyebar melalui filem mereka tersebut.

Rujukan

Abd. Rauf, D. H., et al. (2015). Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab. Shah Alam: Oxford Fajar.

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi(2019). *Isrā'īliyyāt, Ḥadīth Mawḍū' & Fitnah Sīrah di Alam Melayu.*

Al-Attas, S. M. N. (n.d.). *The Mysticism of Hamzah Fansuri.*

Fū'ad 'Abd al-Baqī. (n.d.). *Al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfāz al-Qur'ān al-Karīm.* Kaherah: Dār al-Ḥadīth.

Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2020). *Khurafat, Tahyul & Mistik di Alam Melayu.*

Al-Quran. (n.d.). Surah al-Kahfi (18): 50.

<https://sunnah.com/search/?q=%D9%84%D8%A7+%D8%BA%D9%88%D9%84>

Baldick, J. (n.d.). *Mystical Islam: An Introduction to Sufism.*

Cambridge Dictionary. (n.d.). Mystic. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/mystic>

Cambridge Dictionary. (n.d.). Superstition.

<https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/superstition>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Khurafat. <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=khurafat>

Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d.). Mistik. <http://prpmv1.dbp.gov.my/Search.aspx?k=mistik>

Ding, C. M., & Van Der Molen, W. (Eds.). (2018). *Traces of the Ramayana and Mahabharata in Javanese and Malay Literature.* Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.

Encyclopaedia Britannica. (n.d.). Fiction literature. <https://www.britannica.com/art/fiction-literature>

Ernst, C. W. (n.d.). *Sufism: An Introduction to the Mystical Tradition of Islam.*

Hamid, I. (1983). *The Malay Islamic Hikayat.* Bangi: UKM Press.

Hamid, I., & Wahyunah, A. G. (2002). *Hikayat Para Nabi dan Tokoh-tokoh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Garis panduan khurafat dan azimat.*

http://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/garis_panduan_khurafat_dan_azimat.pdf

Johnson, L. T. (n.d.). *Mystical Tradition: Judaism, Christianity and Islam.*

Knysh, A. (n.d.). *Sufism: A New History of Islamic Mysticism.*

Wacana Patuh Syariah 1.0

Merriam-Webster. (n.d.). Mystic. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/mystic>

Merriam-Webster. (n.d.). Superstition. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/superstition>

Mohd Farhan bin Md Ariffin. (n.d.). Khurafat dan Tahyul Serta Penyelesaiannya Menurut Hadith: Analisis Terhadap Filem Seram di Malaysia [Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Universiti Malaya]. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, APIUM, Kuala Lumpur.

Mohd Khairulnazrin bin Mohd Nasir. (2020). Hadith Tentang Roh dalam Al-Kutub Al-Tis'ah: Kajian terhadap Keperluan Membangunkan Garis Panduan Representasi Unsur Roh dalam Filem Seram di Malaysia [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya]. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Muslim, Abu Dawud, & al-Tirmizi. (n.d.). Hadith: لَا غَوْلَ.
<https://sunnah.com/search/?q=%D9%84%D8%A7+%D8%BA%D9%88%D9%84>

Nicholson, R. A. (n.d.). The Mystics of Islam.

Osman, M. T. (1989). Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Schimmel, A. (n.d.). Mystical Dimensions of Islam.

Sells, M. A. (n.d.). Early Islamic Mysticism: Sufi, Qur'an, Mi'raj, Poetic and Theological Writings (Classics of Western Spirituality).

Swettenham, F. A. (2016). Malay Sketches (Annotated Edition). Kuala Lumpur: Silverfish Books. (Edisi asal diterbitkan pada tahun 1884; edisi terjemahan Bahasa Melayu diterbitkan oleh UM Press pada tahun 2003).

Tamdjis, N. (2019). Mistik Alam Melayu. Ampang: Patriots Publication.



Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam Filem Melayu: Isu-isu Fundamental

Kertas kerja ini membincangkan isu khurafat, tahyul dan mistik dalam filem Melayu berdasarkan kajian Dr. Mohd. Khairulnazrin Mohd Nasir dan buku penulis sendiri. Ia menganalisis 123 filem seram dari 2010-2019 dan mencadangkan garis panduan representasi unsur roh dalam filem seram di Malaysia. Tujuan utamanya adalah untuk menangani salah faham konsep iman terhadap alam ghaib dalam masyarakat Melayu.

by Zahiruddin Zabidi

Made with Gamma



Definisi Khurafat, Tahyul dan Mistik

Khurafat merujuk kepada kepercayaan karut yang tidak berasas dalam Islam. Ia merangkumi cerita rekaan, dongeng, dan amalan yang menyimpang dari ajaran Islam. Tahyul pula berkait rapat dengan khurafat, tetapi lebih fokus kepada aspek psikologi dan kepercayaan terhadap perkara ghaib yang tidak masuk akal. Mistik dalam konteks Melayu sering dikaitkan dengan perkara ghaib dan keajaiban yang tidak dapat dijelaskan oleh logik biasa.

Ketiga-tiga elemen ini sering wujud dalam budaya Melayu tradisional dan kadangkala tercermin dalam filem-filem tempatan, terutamanya filem bergenre seram.

Khurafat

Kepercayaan karut yang bertentangan dengan ajaran Islam

Tahyul

Kepercayaan tidak masuk akal terhadap perkara ghaib

Mistik

Perkara ghaib dan keajaiban yang sukar dijelaskan

Made with Gamma

Sumber Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam Budaya Melayu

Pemikiran khurafat, tahyul dan mistik dalam masyarakat Melayu berakar umbi dari pelbagai sumber. Antaranya ialah warisan kepercayaan animisme dan dinamisme sebelum kedatangan Islam, pengaruh agama Hindu-Buddha, serta percampuran dengan adat resam tempatan. Kesusasteraan Melayu klasik dan tradisional, terutamanya dalam bentuk cerita rakyat, mitos, dan legenda, turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kepercayaan ini.

Walaupun Islam telah lama bertapak di Alam Melayu, sebahagian kepercayaan lama ini masih kekal dan kadangkala bercampur dengan amalan Islam, menghasilkan sinkretisme yang unik tetapi bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.

- 1 — Zaman Animisme**
Kepercayaan kepada semangat dan kuasa ghaib dalam alam
- 2 — Pengaruh Hindu-Buddha**
Konsep dewa-dewi dan alam ghaib berkembang
- 3 — Kedatangan Islam**
Percampuran kepercayaan lama dengan ajaran Islam
- 4 — Zaman Moden**
Khurafat dan tahyul masih wujud dalam budaya popular

Made with Gamma

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam Perubatan Tradisional Melayu

Perubatan tradisional Melayu, walaupun memiliki asas saintifik dalam penggunaan herba dan teknik urut, sering dicemari dengan elemen khurafat dan tahyul. Amalan seperti jampi serapah, penggunaan jin sebagai khadam, dan ritual pemujaan roh sering dikaitkan dengan proses penyembuhan. Fenomena ini mencerminkan percampuran antara pengetahuan perubatan asli dengan kepercayaan mistik yang telah lama berakar dalam masyarakat Melayu.

Keadaan ini menyebabkan kekeliruan dalam membezakan antara rawatan yang dibenarkan dalam Islam dengan amalan yang bertentangan dengan syariat. Hal ini turut tercermin dalam filem-filem Melayu, terutamanya yang bergenre seram, di mana bomoh dan pawang sering digambarkan menggunakan kaedah mistik dalam perubatan.

Perubatan Herba

Penggunaan tumbuhan ubatan yang mempunyai asas saintifik

Teknik Urut

Kaedah fisioterapi tradisional yang berkesan

Amalan Mistik

Penggunaan jampi dan ritual yang bertentangan dengan Islam

Made with Gamma



Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam Ritual Kebudayaan

Ritual mistik dalam kebudayaan Melayu sering dikaitkan dengan penyembuhan, memenuhi hajat, atau membayar nazar. Contohnya seperti persembahan Mak Yong, Manora, dan Ulik Mayang di pantai timur Semenanjung Malaysia. Ritual-ritual ini biasanya melibatkan pemujaan roh atau semangat, diiringi dengan jampi serapah dan muzik tradisional.

Walaupun ritual-ritual ini dianggap sebagai warisan budaya, ia sering bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi unsur syirik. Dalam konteks perfileman Melayu, ritual-ritual sebegini kadangkala ditonjolkan sebagai elemen dramatik, tanpa penjelasan tentang kedudukan hukumnya dalam Islam.



Persembahan Tradisional

Mak Yong, Manora, Ulik Mayang



Ritual Mistik

Pemujaan roh dan semangat



Muzik Tradisional

Iringan dalam ritual mistik



Perspektif Islam

Bertentangan dengan ajaran tauhid

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam Kepercayaan Hantu

Kepercayaan terhadap hantu sangat meluas dalam budaya Melayu, walaupun ia bertentangan dengan ajaran Islam. Konsep hantu ini berasal dari kepercayaan animisme dan pengaruh agama Buddha, yang percaya bahawa roh orang mati boleh bertukar menjadi hantu. Islam sebaliknya mengajar bahawa gangguan makhluk halus adalah dari jin dan syaitan, bukan roh manusia yang telah meninggal.

Dalam filem Melayu, terutamanya filem seram, hantu sering digambarkan dengan pelbagai rupa dan sifat. Ini bukan sahaja mengekalkan kepercayaan khurafat, tetapi juga boleh mengelirukan penonton tentang konsep alam ghaib menurut Islam.

1 Asal Usul Kepercayaan

Berakar dari animisme dan pengaruh agama Buddha

2 Pandangan Islam

Gangguan makhluk halus adalah dari jin dan syaitan, bukan roh manusia

3 Pengaruh dalam Filem

Penggambaran hantu dalam filem seram mengekalkan kepercayaan khurafat

4 Kesan kepada Masyarakat

Boleh mengelirukan pemahaman tentang alam ghaib menurut Islam

Made with Gamma

Khurafat, Tahyul dan Mistik dalam Sihir dan Ilmu Hitam

Sihir dan ilmu hitam, walaupun diharamkan dalam Islam, masih wujud dalam kepercayaan sebahagian masyarakat Melayu. Amalan ini sering dikaitkan dengan penggunaan jin dan ritual khusus untuk tujuan tertentu. Dalam konteks perfileman Melayu, unsur sihir dan ilmu hitam sering ditonjolkan sebagai elemen dramatik, terutamanya dalam filem bergenre seram.

Kekeliruan sering timbul apabila amalan sihir dicampur aduk dengan perubatan tradisional yang sah, menyebabkan kesukaran untuk membezakan antara rawatan yang dibenarkan dalam Islam dengan amalan yang bertentangan dengan syariat. Hal ini turut tercermin dalam filem-filem tempatan, di mana watak bomoh atau pawang kadangkala digambarkan menggunakan kaedah yang meragukan dari sudut Islam.

1

Kepercayaan Asal

Sihir dan ilmu hitam berakar dalam kepercayaan lama masyarakat Melayu

2

Pengaruh dalam Filem

Unsur sihir sering digunakan sebagai elemen dramatik dalam filem seram

3

Kekeliruan dengan Perubatan

Percampuran antara sihir dan perubatan tradisional menyebabkan kekeliruan

4

Impak kepada Masyarakat

Boleh mengelirukan pemahaman tentang batas antara yang dibenarkan dan dilarang dalam Islam

Made with Gamma

Dapatan Kajian Dr. Mohd Khairulnazrin Nasir

Kajian Dr. Mohd Khairulnazrin Nasir menganalisis 123 filem seram Malaysia dari 2010-2019. Beliau mendapati 12 jenis representasi unsur roh dalam filem-filem ini, kebanyakannya mengandungi elemen khurafat, syirik dan kufur. Kajian juga menunjukkan bahawa majoriti penonton keliru tentang kesahihan representasi unsur roh dalam filem-filem tersebut.

Berdasarkan dapatan ini, beliau mencadangkan pembangunan Garis Panduan Representasi Unsur Roh Dalam Filem Seram di Malaysia (GPF-ROH). Garis panduan ini bertujuan membantu pihak Lembaga Penapis Filem (LPF), industri filem, dan penonton dalam mendapatkan maklumat sahih tentang roh menurut perspektif Islam.

Jumlah Filem Dianalisis	123
Tempoh Kajian	2010-2019
Jenis Representasi Roh	12
Cadangan	GPF-ROH



Kesimpulan dan Cadangan

Khurafat, tahyul dan mistik dalam filem Melayu, terutamanya filem seram, mencerminkan kesinambungan kepercayaan lama yang masih wujud dalam masyarakat. Walaupun filem adalah medium hiburan, ia berpotensi mempengaruhi pemahaman penonton tentang alam ghaib. Oleh itu, pihak industri filem perlu lebih peka terhadap implikasi representasi unsur-unsur ini dari perspektif Islam.

Cadangan pembangunan Garis Panduan Representasi Unsur Roh (GPF-ROH) adalah langkah positif ke arah menangani isu ini. Selain itu, pendidikan kepada masyarakat tentang konsep alam ghaib menurut Islam perlu dipergiatkan. Para pembuat filem juga digalakkan untuk merujuk kepada pakar agama dalam menghasilkan karya yang tidak bercanggah dengan akidah Islam, sambil mengekalkan nilai artistik dan komersial filem mereka.



Filem Seram Patuh Syariah

Contoh poster filem seram yang menggabungkan elemen seram dengan nilai-nilai Islam



Pendidikan Industri

Sesi pendidikan untuk pembuat filem tentang perspektif Islam dalam penggambaran alam ghaib



Kesedaran Masyarakat

Program pendidikan untuk masyarakat tentang konsep alam ghaib menurut Islam

REINKARNASI DALAM FILEM

Oleh: Dr Mohd Zamir bin Bahall
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Cawangan Kajian Media, Bahagian Penyelidikan JAKIM

Pendahuluan

Allah SWT menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian sebagaimana firman-Nya dalam surah at-Tiin ayat 4,

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya*”.

Allah SWT juga telah menjadikan manusia sebagai makhluk yang paling dimuliakan berbanding dengan makhluk-makhluk yang lain. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: “*Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka daripada benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*”

(Surah al-Isra': 70)

Kesempurnaan dan kemuliaan manusia ini, antara lain disebabkan dikurnia beberapa kelebihan iaitu berkemampuan untuk belajar, menambah ilmu, berkarya, mempunyai bakat, kreativiti, ilham dan inovatif. Dengan kelebihan dan anugerah Allah SWT inilah maka manusia berkarya dengan menghasilkan produk santapan jiwa dan rohani seperti puisi, lagu, novel, lukisan, arca dan termasuklah filem dan drama.

Sungguhpun untuk berkarya namun Allah SWT membekalkan manusia dengan panduan agama agar manusia kekal dalam hidayah-Nya serta tidak menyimpang ke jalan kebinasaan dan kerosakan. Allah SWT mengingatkan manusia perihal kehidupan dunia dalam firman-Nya,

اعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ زِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ
وَالْأَوْلَادِ كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهْبِجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَامًا
وَفِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ
الْعُرُورِ

Maksudnya: Ketahuilah bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata) **permainan dan hiburan** (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan harta benda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghidupkan subur) menjadikan penanamnya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (ke suatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredhaan daripada Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah, bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.

(Surah al-Hadid: 20)

Firman Allah SWT lagi:

زَيْنَ النَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ
وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ۗ ذَلِكَ مَتَاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَاللَّهُ عِنْدَهُ
حُسْنُ الْمَآبِ

Maksudnya: Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang **diingini nafsu**, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah **kesenangan hidup di dunia**. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).

(Surah Ali Imran: 14)

Allah SWT memahamkan kita bahawa manusia diberi kelebihan berbanding makhluk-makhluk lain, antaranya kerana dikurniakan bakat, kemudian hidup di bumi yang statusnya hanyalah permainan dan hiburan serta kesukaan nafsu. Oleh itu, bagi memastikan manusia tidak terjerumus ke dalam kerosakan maka manusia diperingatkan akan tujuan asal mereka dijadikan oleh Allah SWT dalam firman-Nya,

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah (beribadah) kepada-Ku”.

(Az-Zariyat: 56)

Oleh itu, dalam kita berkarya khusus dalam industri drama dan filem, kita tidak dapat lari daripada berpegang kuat dengan panduan agama. Agamalah menjamin kita tidak tersesat dalam cerah, tidak tersandung ketika melangkah, tidak terhantuk ketika melompat, tidak tersungkur ketika berlari dan tidak tergelincir ketika berdiri. Tanpa pedoman agama kita akan hanyut dalam dunia nafsu, tanpa bimbingan agama kita tersesat dalam berkarya, dan tanpa panduan agama hidup kita hanya untuk bermain dan berhibur sahaja. Jika kita tidak berhati-

hati dan bermuhasabah selalu maka ditakuti kita termasuk dalam golongan yang disebut oleh Allah SWT dalam firman-Nya,

أَرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ أَفَأَنْتَ تَكُونُ عَلَيْهِ وَكَيْلًا, أَمْ تَحْسَبُ أَنَّ أَكْثَرَهُمْ يَسْمَعُونَ
أَوْ يَعْقِلُونَ ۚ إِنْ هُمْ إِلَّا كَالْأَنْعَامِ ۖ بَلْ هُمْ أَضَلُّ سَبِيلًا

Maksudnya: “Terangkanlah kepadaku tentang orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhannya, maka apakah kamu dapat menjadi pemelihara atasnya? Atau apakah kamu mengira bahawa kebanyakan mereka itu mendengar dan memahami, mereka itu tidak lain hanyalah seperti binatang ternak bahkan mereka lebih sesat jalannya daripada binatang ternak itu.”

(Surah al-Furqan: 43-44)

Oleh itu, setiap pemain industri filem perlu menjadikan panduan agama sebagai nadi dalam berkarya. Setiap hasil karya sama ada secara langsung atau tidak langsung, kecil atau besar, sedikit atau banyak, hendaklah terhindar atau bebas daripada elemen-elemen yang menyalahi hukum agama dan adab ketimuran. Antara perkara yang perlu dielakkan adalah unsur reinkarnasi dalam filem.

Reinkarnasi (Reincarnation)

Reinkarnasi adalah proses kelahiran kembali atau putaran kematian manusia. Kata "reinkarnasi" berasal dari gabungan kata *re-in-carnis*. Kata Latin *carnis* bermaksud daging. *Incarnis* pula bermaksud bentuk manusia. Justeru, *reinkarnasi* adalah memberi maksud masuknya jiwa ke dalam tubuh yang baru. Dengan kata lain, jiwa yang sudah ada kemudian masuk kepada jasad baru. Istilah ini juga disebut dengan kebangkitan kembali atau perpindahan jiwa, iaitu jasad lama ditinggalkan dan pada waktu tertentu jiwa tersebut masuk ke dalam jasad yang baru.

Dalam bahasa Inggeris reinkarnasi disebut sebagai *reborn*. Menurut kepercayaan agama Hindu, istilah lain bagi reinkarnasi adalah *Punarbhawa* dan *Samsara*. Wujud yang baru itu mungkin seketul batu, tumbuh-tumbuhan, haiwan atau manusia, mungkin juga dewa. Putaran kehidupan kembali ini dianggap sebagai malapetaka atau penderitaan. Ia berlaku terus menerus mengikut konsep hukum karma.

Reinkarnasi tidak akan terjadi tanpa adanya hukum karma iaitu hukum pembalasan. Terdapat keterikatan antara reinkarnasi dengan hukum karma. Bahawa agama Hindu mengajarkan kehidupan sementara orang yang mati itu adalah di syurga atau neraka. Kemudian roh itu lahir kembali (reinkarnasi) ke bumi dalam wujud yang lain. Wujud baru itu tergantung kepada karmanya, karma bermaksud amal perbuatan. Apabila dalam kehidupannya terdahulu melakukan kejahatan, maka ia akan lahir kembali sebagai manusia yang rendah darjatnya, bahkan mungkin sebagai binatang yang hina. Sebaliknya jika dalam kehidupannya yang lampau sering melakukan kebaikan, maka ia akan lahir kembali sebagai makhluk yang lebih tinggi darjatnya. Sekiranya manusia sering melakukan perbuatan yang baik, lalu lahir sebagai manusia yang sempurna, maka manusia itu tidak perlu kembali ke dunia. Ia masuk dalam alam moksha, kerana kehidupan di dunia ini adalah penderitaan.

Dalam dunia Islam terdapat juga kepercayaan seperti agama-agama yang tidak mengakui adanya hari kebangkitan di akhirat, tetapi mempercayai terjadinya hukum pembalasan di dunia. Ia dikenali dengan istilah *Tanasukh Al-Arwah* yang jelas menyalahi dan menyimpang jauh dari akidah Islam sebenar.

Tanasukh Al-Arwah

Tanasukh bermaksud berulangnya ulangan dan pusingan sehingga tiada penyudah. Pada setiap kali pusingan terjadilah apa yang terjadi pada pusingan awal. Ganjaran pahala dan seksa berlaku di dunia ini dan bukannya di dunia lain yang tidak ada amalan padanya. Perbuatan yang sedang dilakukan sekarang adalah pembalasan terhadap perbuatan dahulu yang pernah dilakukan. Apa yang dimaksudkan dengan putaran dan pusingan adalah, kehidupan ini menjadi baharu pada setiap waktu bagi manusia, binatang, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Begitulah selama-lamanya, tidak ada kebangkitan, hari kiamat dan negeri melainkan negeri dunia ini sahaja.

Fahaman *tanasukh al-arwah*, iaitu persalinan roh atau perpindahan roh seorang yang telah mati kepada orang lain terdapat pada sebahagian daripada fahaman penganut agama Hindu, Buddha, sebahagian penganut ajaran Syiah dan dalam kalangan pengamal perbomohan. Oleh sebab itu, dalam kalangan Syiah Hasyimiah ada yang berpendapat roh-roh saling berpindah dari satu tubuh ke tubuh yang lain sama ada tubuh manusia atau binatang. Mereka mengatakan roh Allah juga *bertanasukh* sehingga sampai kepada imam mereka dan bertempat dalam tubuhnya. Pendapat ini dipegangi oleh Ahmad bin Khabit, Ahmad bin Nanus dan Abu Muslim al-Khurasani. Fahaman *Al-Tanasukh* bermaksud tidak ada kiamat dan akhirat, apa yang berlaku adalah roh manusia akan berpindah dari seorang kepada seorang yang lain, kalau sekiranya dia seorang yang baik rohnya akan berpindah kepada orang baik, dan begitulah sebaliknya kalau seseorang itu jahat, rohnya akan berpindah kepada orang jahat. Pemikiran ini jelas menolak kepercayaan terhadap akhirat dan apa yang akan berlaku selepasnya. Usaha-usaha seperti ini merupakan pemikiran dan doktrin paling bahaya untuk meruntuhkan Aqidah Islam.

Menolak Fahaman Reinkarnasi dan *Tanasukh Al-Arwah*

Menurut Said Ramadhan al-Buti, fahaman ini bercanggah dengan nas atau dalil al-Quran dan as-Sunah iaitu berkaitan soalan dua malaikat di dalam kubur dan berkenaan azab atau nikmat di dalam kubur. Kita sedia maklum bahawa soalan dan azab kubur berlaku ke atas roh si mati, kerana tanpa pengertian ini maka tiada maknanya soalan, azab atau nikmat di alam kubur. Firman Allah SWT dalam surah At-Tur ayat 21,

وَمَا أَلْتَنَّهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ ۚ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ

Maksudnya: “Dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun daripada pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya”.

Maka tidak mungkin sama sekali menggabungkan kedua-dua kepercayaan iaitu kepercayaan *tanasukh al-arwah* dan kepercayaan adanya soalan kubur dan azabnya. Kedua-

duanya saling bercanggahan dan mempercayai yang satu memastikan penafian kepada yang lain.

Fahaman ini juga bertentangan dengan konsep pembalasan dalam ajaran Islam yang lebih adil dan saksama. Dalam Islam, setiap manusia akan mendapat pembalasan yang setimpal atas perbuatannya sendiri, sama ada baik atau buruk. Firman Allah di dalam surah Al-Qari'ah Ayat 6-11,

فَأَمَّا مَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَهُوَ فِي عِيشَةٍ رَّاضِيَةٍ وَأَمَّا مَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُمُّهُ هَاوِيَةٌ وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَ تَارٌ حَامِيَةٌ

Maksudnya: *Dan orang-orang yang berat timbangan (kebaikan)nya, maka dia berada dalam kehidupan yang memuaskan. Dan orang-orang yang ringan timbangan (kebaikan)nya, maka tempat kembalinya adalah neraka Hawiyah. Tahukah kamu apakah neraka Hawiyah itu? (Iaitu) api yang sangat panas.*"

Justeru, di dalam Islam tidak ada ajaran dan kepercayaan seperti reinkarnasi atau *tanasukh al-arwah* yang jelas menyesatkan akidah umat Islam. Tambahan lagi, ia menjurus kepada tidak mempercayai adanya hari kebangkitan di akhirat sedangkan ia adalah salah satu daripada Rukun Iman.

Unsur Reinkarnasi Dalam Filem

Hasil penelitian dan kajian ringkas Bahagian Penyelidikan JAKIM mendapati bahawa filem dan drama Melayu yang mengandungi unsur reinkarnasi jarang ditemui kerana konsep ini kurang popular dalam budaya dan agama di Malaysia, terutamanya Islam yang merupakan agama rasmi negara dan tidak mengajarkan reinkarnasi. Walaupun begitu, ada beberapa karya yang menyentuh unsur kehidupan masa lampau atau roh yang kembali ke dunia dalam bentuk yang lebih simbolik atau fantasi, walaupun ia tidak digambarkan secara eksplisit sebagai reinkarnasi.

Secara umum, karya yang mengangkat tema reinkarnasi secara jelas jarang ditemui dalam filem dan drama Melayu kerana ia tidak sesuai dengan norma keagamaan dan budaya tempatan. Kebanyakan cerita yang berkaitan dengan kehidupan masa lampau atau roh lebih kepada genre seram atau misteri.

Namun didapati mula terselit pengaruh konsep-konsep kepercayaan agama Hindu seperti hukum karma dalam pembikinan filem dan drama. Hukum karma amat sinonim dengan reinkarnasi sekalipun tiada adegan reinkarnasi secara jelas. Hukum karma adalah bercanggah dengan Islam kerana satu keistimewaan bagi umat Nabi Muhammad SAW bahawa azab sesuatu perbuatan mungkar adalah ditangguhkan ke akhirat dan tidak dibalas terus ketika kemungkaran itu dilakukan sebagaimana umat-umat terdahulu. Dialog seperti "Zaman sekarang Tuhan *bayar cash* (balas terus)" adalah tidak menepati ajaran Islam bahkan menyalahi hadith Qudsi berkaitan peluang bertaubat seperti yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW bermaksud:

"Allah SWT berfirman: Wahai anak Adam, sesungguhnya Engkau berdoa kepada-Ku dan memohon kepada-Ku, maka akan Aku ampuni engkau, Aku tidak peduli (berapa banyak pun dosamu). Wahai anak Adam, seandainya dosa-dosamu (sebanyak) awan di langit kemudian engkau minta ampun kepada-Ku nescaya akan Aku ampuni engkau. Wahai anak Adam, sesungguhnya jika engkau datang kepada-Ku dengan kesalahan sepenuh bumi kemudian engkau menemui-Ku dengan tidak menyekutukan Aku sedikitpun maka akan Aku temui engkau dengan sepenuh itu pula keampunan."

(Hadith Riwayat at-Tirmidzi)

Bawang Putih Bawang Merah (1959)

Unsur reinkarnasi dalam film *Bawang Putih Bawang Merah* jelas melalui watak Labu, ibu kepada Bawang Merah. Dalam film ini, ikan kaloi dianggap sebagai reinkarnasi ibu kandungnya yang telah mati akibat kezaliman ibu tiri dan Bawang Putih. Kemudian 'ibu'nya si ikan kaloi reinkarnasi sekali lagi menjadi pohon beringin, berinteraksi dengan Bawang Merah, dan membantunya. Unsur reinkarnasi ini menguatkan tema keadilan dan balasan karma, yang mana roh ibu kandungnya kembali untuk melindungi anaknya dan membantu membongkar kebenaran di sebalik kezaliman yang telah berlaku.

Mentega Terbang (2021)

Mentega Terbang mengisahkan kisah seorang remaja beragama Islam, Aisyah, dengan ibunya merupakan seorang penghidap kanser terminal, sementara bapanya merupakan liberal keagamaan, dan sering mempersoalkan soal hidup mati. Dalam film ini, Aisyah mula mendalami aspek-aspek pelbagai agama seperti mendalami kitab-kitab suci, termasuk Al-Quran, Alkitab dan Veda. Setelah ibunya meninggal dunia, Aisyah ternampak seekor kupu-kupu menetap di atas pusara ibu, menyebabkan Aisyah kemudian mula tertarik kepada konsep reinkarnasi (lahir semula menjadi makhluk lain selepas kematian)

Spilt Gravy On Rice (2022)

[Ke Mana Tumpahnya Kuah Kalau Tak Ke Nasi]

Filem "**Spilt Gravy on Rice**", yang diadaptasi daripada karya teater dan novel adalah sebuah satira yang menggambarkan dinamika keluarga Malaysia dengan kritikan sosial dan humor. Jika dilihat melalui tema **reinkarnasi**, filem ini boleh dihuraikan secara ringkas seperti berikut:

1. **Warisan dan Kitaran Hidup:** Filem ini mengisahkan seorang bapa yang sedang berdepan dengan kematian dan berusaha menyatukan anak-anaknya yang mewakili pelbagai latar belakang dan ideologi. Tema reinkarnasi boleh dilihat dalam cara warisan keluarga dan nilai-nilai hidup diteruskan melalui anak-anaknya, walaupun setiap seorang mewakili pandangan hidup yang berbeza. Seperti kitaran reinkarnasi, setiap generasi 'dilahirkan' semula dengan membawa elemen-elemen tertentu daripada yang sebelumnya, namun dengan tafsiran baru.
2. **Kebangkitan Semula Nilai Tradisional:** Konflik antara nilai moden dan tradisional mencerminkan bagaimana nilai lama sentiasa 'dilahirkan semula' dalam bentuk yang

baru, dan bagaimana identiti keluarga berusaha untuk terus hidup dalam dunia yang semakin berubah.

3. **Kematian dan Kehidupan Semula dalam Ingatan:** Dalam filem ini, tema kematian dan ingatan memainkan peranan penting. Konsep reinkarnasi boleh dilihat dalam bentuk bagaimana si bapa terus 'hidup' melalui kenangan, nilai, dan pengaruhnya yang diwariskan kepada anak-anak. Meskipun fizikalnya tiada, kehadiran dan impaknya seolah-olah dihidupkan semula melalui legasi yang ditinggalkan.

Secara keseluruhannya, tema reinkarnasi dalam *Spilt Gravy on Rice* tidak dilihat secara literal, tetapi melalui aspek simbolik tentang warisan, peralihan nilai, dan kesinambungan hidup keluarga yang berterusan

Unsur Reinkarnasi Dalam Drama Tempatan

Beberapa contoh drama tempatan yang mempunyai unsur reinkarnasi, antaranya sebuah siri televisyen seram komedi Malaysia 2017 yang bersiaran di Slot Seramedi TV3. Drama ini berkisah tentang sebuah kampung yang dilanda misteri sejak seorang wanita dikatakan hilang tetapi tetap hadir dalam bentuk bayangan. Walaupun bukan tentang reinkarnasi, ia melibatkan elemen spiritual dan kitaran kehidupan.

Selain itu, siri drama televisyen 2017 yang bergenre cinta romantik dan pembalasan. Siri ini diadaptasi dari telenovela Itali di saluran Astro Prima dan Astro Maya HD. Drama ini mengisahkan tentang dendam yang berlaku akibat kesilapan masa lampau. Walaupun fokusnya lebih kepada balas dendam dan bukannya reinkarnasi, ia menggambarkan bagaimana perbuatan masa lalu boleh mempengaruhi kehidupan seterusnya.

Begitu juga, siri drama televisyen 2017 yang ditayangkan di saluran Astro Prima dan Astro Maya HD. Drama ini diadaptasi dari drama lipur lara Indonesia. Drama ini berkisar tentang cinta dan keluarga, di mana watak utama terperangkap dalam konflik emosi dari kehidupan lampau yang berulang. Unsur kehidupan lampau yang berpengaruh dalam kehidupan sekarang memberi sedikit sentuhan kepada konsep reinkarnasi.

Unsur Reinkarnasi dalam Filem/ Drama Indonesia

Di Indonesia, tema reinkarnasi bukanlah sesuatu yang biasa diangkat dalam filem arus perdana, terutamanya kerana ia bukan sebahagian daripada kepercayaan majoriti masyarakat yang beragama Islam. Namun, terdapat beberapa filem yang memuatkan unsur reinkarnasi atau kehidupan lampau dalam bentuk fantasi atau spiritual. Berikut adalah beberapa contoh filem Indonesia yang mempunyai elemen reinkarnasi.

Sundel Bolong (1981)

Filem seram klasik ini mengisahkan tentang arwah seorang wanita yang kembali untuk membalas dendam setelah dianiaya semasa hidupnya. Walaupun bukan reinkarnasi dalam erti kata yang ketat, filem ini memperlihatkan unsur roh yang kembali untuk membalas dendam, yang sering dilihat dalam naratif hantu atau roh yang tidak tenteram.

Malam Satu Suro (1988)

Filem ini juga memaparkan elemen mistik dan roh yang kembali ke dunia manusia. Kisahnya berpusat pada watak Sundel Bolong yang menjelma semula untuk menuntut keadilan. Walaupun elemen reinkarnasi tidak disampaikan secara jelas, filem ini memperlihatkan bagaimana roh boleh menghidupkan semula konflik dan emosi dari kehidupan sebelumnya.

Reinkarnasi (2000)

Judul filem ini secara jelas menunjukkan tema reinkarnasi, di mana watak utamanya mengalami kilas balik kehidupan lampau yang membawa kepada pengungkapan misteri dan konflik dalam kehidupannya sekarang. Filem ini menyentuh tema spiritual dan kitaran kehidupan yang berkaitan dengan kepercayaan mistik atau tradisi kuno.

Jelangkung (2001)

Filem seram ini mengetengahkan kisah sekelompok remaja yang memanggil roh melalui permainan mistik Jelangkung. Meskipun tema reinkarnasi tidak dominan, filem ini melibatkan konsep roh yang tidak tenang dan kehidupan lampau yang berdampak pada masa kini, yang sering kali dikaitkan dengan idea kehidupan semula.

Dejavu: Ajian Puter Giling (2004)

Filem ini menggunakan unsur ilmu hitam dan mistik dalam konteks cerita di mana watak-watak utama mengalami kejadian berulang seakan-akan kehidupan masa lalu mereka mengganggu masa kini, hampir menyerupai idea reinkarnasi, walaupun lebih ke arah mistik.

Karma (2008)

Filem ini menggambarkan tema karma dan kehidupan semula di mana seorang wanita yang dibunuh pada kehidupan sebelumnya kembali untuk membalas dendam dalam bentuk penjelmaan baru. Elemen karma dan reinkarnasi digunakan untuk menggerakkan plot yang penuh misteri.

Unsur Reinkarnasi dalam Filem/ Drama Luar Negara

Banyak filem luar negara yang menampilkan unsur reinkarnasi sebagai tema utama, menggabungkan aspek spiritual, mistik, atau fantasi. Berikut adalah beberapa filem terkenal yang mengandungi unsur reinkarnasi.

Birth (2004)

Filem ini berkisar tentang seorang wanita yang kehilangan suaminya. Sepuluh tahun kemudian, seorang kanak-kanak lelaki mendakwa bahawa dia adalah penjelmaan semula suaminya yang sudah mati. Filem ini meneroka tema reinkarnasi dan hubungan emosi yang berpanjangan selepas kematian.

The Fountain (2006)

Filem ini menggabungkan tiga naratif masa: seorang konkuistador di Sepanyol abad ke-16, seorang saintis moden yang mencari penawar untuk kanser, dan seorang angkasawan di masa depan. Unsur reinkarnasi dalam filem ini dilihat melalui watak yang menghidupkan tema kehidupan dan kematian serta kitaran kelahiran semula.

Om Shanti Om (2007)

Filem Bollywood yang popular ini menceritakan tentang seorang pelakon yang terbunuh, kemudian dilahirkan semula untuk membalas dendam terhadap mereka yang bertanggungjawab atas kematiannya. Filem ini menggabungkan unsur komedi, drama, dan pembalasan dendam, dengan tema reinkarnasi sebagai plot utama.

Cloud Atlas (2012)

Filem ini, diadaptasi dari novel karya David Mitchell, menggambarkan enam kisah yang berlaku pada masa yang berbeza, dari zaman purba hingga ke masa depan. Tema utama filem ini adalah hubungan antara manusia melintasi kehidupan yang berulang, dengan penjelmaan semula dan karma menjadi elemen yang penting dalam naratifnya.

A Dog's Purpose (2017)

Filem ini berdasarkan novel karya W. Bruce Cameron dan menceritakan perjalanan seekor anjing melalui beberapa kehidupan yang berbeza, setiap kali dilahirkan semula sebagai anjing yang berbeza dengan pemilik yang berbeza. Tujuannya adalah untuk mencari makna hidup dan melayani pemilik-pemiliknya sepanjang hayat yang berulang.

Along with the Gods: The Two Worlds" (2017)

Mengisahkan seorang anggota bomba, Kim Ja-hong, yang meninggal dunia dan dibawa ke akhirat untuk menjalani tujuh ujian dalam masa 49 hari. Setiap ujian menilai dosa-dosanya semasa hidup, dan hasil penghakiman ini menentukan sama ada dia layak untuk dilahirkan semula atau dihukum di neraka. Tema reinkarnasi dalam filem ini menekankan kitaran kehidupan dan kematian, di mana setiap roh diberikan peluang untuk menebus dosa-dosa lalu dan memperoleh kehidupan baru berdasarkan karma. Kelahiran semula adalah ganjaran bagi roh yang berjaya membuktikan dirinya suci atau telah menebus kesalahannya.

Abyss (2019)

Drama Korea ini mengisahkan tentang dua individu yang mati dan dihidupkan semula dalam tubuh baru yang berbeza melalui bola misteri yang dikenali sebagai "Abyss." Ceritanya menyoroti tema peluang kedua dalam kehidupan dan bagaimana mereka cuba menyelesaikan misteri kematian mereka.

Tale of the Nine Tailed (2020)

Walaupun cerita ini lebih berfokus pada mitologi Korea dan makhluk legendaris, ada unsur kehidupan semula di mana watak utama yang merupakan gumiho (serigala berekor sembilan) yang hidup selama berabad-abad sambil mencari kekasihnya yang telah dilahirkan semula.

Avatar The Last Airbender

Tema reinkarnasi terpusat pada watak utama, Aang, yang merupakan Avatar, seorang makhluk yang dilahirkan semula berulang kali dalam kitaran. Avatar adalah penjaga keseimbangan dunia yang mampu menguasai keempat-empat elemen (air, tanah, api, udara) dan dilahirkan semula dari satu bangsa ke bangsa lain setiap kali Avatar sebelumnya meninggal dunia. Reinkarnasi Aang dalam siri ini menunjukkan bahawa Avatar mengekalkan ingatan dan kebijaksanaan dari kehidupan masa lalunya, yang membantu dalam menyelesaikan konflik semasa. Setiap Avatar membawa tanggungjawab yang besar untuk melindungi dunia, menjadikan reinkarnasi sebagai kitaran penebusan dan peluang untuk memperbaiki kesilapan masa lalu.

Kesimpulan

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan satu garis panduan yang mengandungi 18 perkara khusus kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang penyiaran filem, drama, iklan, bahan audiovisual dan seumpamanya. Sungguhpun garis panduan ini tiada kuasa undang-undang, namun memandangkan JAKIM adalah agensi pusat hal ehwal agama Islam bagi agensi kerajaan maka semua agensi penguatkuasa undang-undang akan menjadikan garis panduan JAKIM sebagai rujukan utama untuk tindakan penguatkuasaan mana-mana akta, enakmen atau undang-undang di bawah mereka seperti Lembaga Penapis Filem, KDN, PDRM, SKMM dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

Berdasarkan garis panduan ini unsur-unsur reinkarnasi atau *tanasukh al-arwah* sememangnya dilarang dimasukkan dalam karya filem dan drama. JAKIM sentiasa konsisten mengenai perkara ini dan memberi pandangan kepada agensi-agensi penguatkuasa Kerajaan agar tidak bertolak-ansur dan menyekat perkara-perkara seperti ini daripada disebar ke dalam masyarakat Islam. Oleh itu, tindakan undang-undang sama ada menyekat, memotong, menahan atau sebagainya adalah dibuat oleh agensi berkaitan dan bukan JAKIM. Pendirian JAKIM adalah membantu industri penyiaran dan perfileman agar terus berkarya asalkan tidak melampaui batas-batas agama.

WACANA PATUH SYARIAH 1.0
(INDUSTRI KANDUNGAN KREATIF)
YADIM DENGAN KERJASAMA PERSATUAN PENERBIT
TELEVISYEN MALAYSIA (PTVM)

REINKARNASI DALAM FILEM
Oleh: Dr Mohd Zamir bin Bahall
Cawangan Kajian Media
Bahagian Penyelidikan JAKIM

24 OKTOBER 2024

DIREKTORAT KESELAMATAN DAN RISIKU BALAS

BIODATA PENCERAMAH

BIL	TAHUN	PENDIDIKAN
1.	2016	Doktor Falsafah (Syariah), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2.	2004	Ijazah Sarjana (Aliran Pemikiran) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
3.	1992	B.A (Hons) Usuluddin (Hadith) Universiti al-Azhar, Mesir

DIREKTORAT KESELAMATAN DAN RISIKU BALAS




PENDAHULUAN

Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kendaraan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka daripada benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.”*

(Surah al-Isra': 70)



Oleh itu, dalam kita berkarya khusus dalam industri drama dan filem, kita tidak dapat lari daripada berpegang kuat dengan panduan agama. Agamalah menjamin kita tidak tersesat dalam cerah, tidak tersandung ketika melangkah, tidak terhantuk ketika melompat, tidak tersungkur ketika berlari dan tidak tergelincir ketika berdiri. Tanpa pedoman agama kita akan hanyut dalam dunia nafsu, tanpa bimbingan agama kita tersesat dalam berkarya, dan tanpa panduan agama hidup kita hanya untuk bermain dan berhibur sahaja.



Reinkarnasi

Reinkarnasi adalah proses kelahiran kembali atau putaran kematian manusia. Kata "reinkarnasi" berasal dari gabungan kata *re-in-carnis*. Kata Latin *carnis* bermaksud daging. *Incarnis* pula bermaksud bentuk manusia. Justeru, *reinkarnasi* adalah memberi maksud masuknya jiwa ke dalam tubuh yang baru. Dengan kata lain, jiwa yang sudah ada kemudian masuk kepada jasad baru. Istilah ini juga disebut dengan kebangkitan kembali atau perpindahan jiwa, iaitu jasad lama ditinggalkan dan pada waktu tertentu jiwa tersebut masuk ke dalam jasad yang baru.

Dalam bahasa Inggeris reinkarnasi disebut sebagai *reborn*. Menurut kepercayaan agama Hindu, istilah lain bagi reinkarnasi adalah *Punarbhawa* dan *Samsara*.



Tanasukh Al-Arwah

Dalam dunia Islam terdapat juga kepercayaan seperti agama-agama yang tidak mengakui adanya hari kebangkitan di akhirat, tetapi mempercayai terjadinya hukum pembalasan di dunia. Ia dikenali dengan istilah *Tanasukh Al-Arwah* yang jelas menyalahi dan menyimpang jauh dari akidah Islam sebenar.

Unsur Reinkarnasi Dalam Filem Tempatan

Secara umum, karya yang mengangkat tema reinkarnasi secara jelas jarang ditemui dalam filem dan drama Melayu kerana ia tidak sesuai dengan norma keagamaan dan budaya tempatan. Kebanyakan cerita yang berkaitan dengan kehidupan masa lampau atau roh lebih kepada genre seram atau misteri.

Bawang Putih Bawang Merah (1959)



Unsur reinkarnasi dalam filem Bawang Putih Bawang Merah jelas melalui watak Labu, ibu kepada Bawang Merah. Dalam filem ini, ikan kaloi dianggap sebagai reinkarnasi ibu kandungnya yang telah mati akibat kezaliman ibu tiri dan Bawang Putih.

Kemudian 'Ibu'nya si ikan kaloi reinkarnasi sekali lagi menjadi pohon beringin, berinteraksi dengan Bawang Merah, dan membantunya. Unsur reinkarnasi ini menguatkan tema keadilan dan balasan karma, yang mana roh ibu kandungnya kembali untuk melindungi anaknya dan membantu membongkar kebenaran di sebalik kezaliman yang telah berlaku.

Mentega Terbang (2021)



Mentega Terbang mengisahkan kisah seorang remaja beragama Islam, Aisyah, dengan ibunya merupakan seorang penghidap kanser terminal, sementara bapanya merupakan liberal keagamaan, dan sering mempersoalkan soal hidup mati. Dalam filem ini, Aisyah mula mendalami aspek-aspek pelbagai agama seperti mendalami kitab-kitab suci, termasuk Al-Quran, Alkitab dan Veda. Setelah ibunya meninggal dunia, Aisyah ternampak seekor kupu-kupu menetap di atas pusara ibu, menyebabkan Aisyah kemudian mula tertarik kepada konsep reinkarnasi (lahir semula menjadi makhluk lain selepas kematian).

Spilt Gravy On Rice (2022) [Ke Mana Tumpahnya Kuah Kalau Tak Ke Nasi]



Filem "Spilt Gravy on Rice", yang diadaptasi daripada karya teater dan novel adalah sebuah satira yang menggambarkan dinamika keluarga Malaysia dengan kritikan sosial dan humor. Secara keseluruhannya, tema reinkarnasi dalam *Spilt Gravy on Rice* tidak dilihat secara literal, tetapi melalui aspek simbolik tentang warisan, peralihan nilai, dan kesinambungan hidup keluarga yang berterusan.

Unsur Reinkarnasi Dalam Drama Tempatan

(1) Sebuah siri televisyen seram komedi Malaysia 2017 yang bersiaran di Slot Seramedia TV3. Drama ini berkisah tentang sebuah kampung yang dilanda misteri sejak seorang wanita dikatakan hilang tetapi tetap hadir dalam bentuk bayangan. Walaupun bukan tentang reinkarnasi, ia melibatkan elemen spiritual dan kitaran kehidupan.

(2) Siri drama televisyen 2017 yang bergenre cinta romantik dan pembalasan. Siri ini diadaptasi dari telenovela Itali di saluran Astro Prima dan Astro Maya HD. Drama ini mengisahkan tentang dendam yang berlaku akibat kesilapan masa lampau. Walaupun fokusnya lebih kepada balas dendam dan bukannya reinkarnasi, ia menggambarkan bagaimana perbuatan masa lalu boleh mempengaruhi kehidupan seterusnya.

(3) Siri drama televisyen 2017 yang ditayangkan di saluran Astro Prima dan Astro Maya HD. Drama ini diadaptasi dari drama lipur lara Indonesia. Drama ini berkisah tentang cinta dan keluarga, di mana watak utama terperangkap dalam konflik emosi dari kehidupan lampau yang berulang. Unsur kehidupan lampau yang berpengaruh dalam kehidupan sekarang memberi sedikit sentuhan kepada konsep reinkarnasi.

Unsur Reinkarnasi Dalam Filem Indonesia

Di Indonesia, tema reinkarnasi bukanlah sesuatu yang biasa diangkat dalam filem arus perdana, terutamanya kerana ia bukan sebahagian daripada kepercayaan majoriti masyarakat yang beragama Islam. Namun, terdapat beberapa filem yang memuatkan unsur reinkarnasi atau kehidupan lampau dalam bentuk fantasi atau spiritual.

Sundel Bolong (1981)



Filem seram klasik ini mengisahkan tentang arwah seorang wanita yang kembali untuk membalas dendam setelah dianiaya semasa hidupnya. Walaupun bukan reinkarnasi dalam erti kata yang ketat, filem ini memperlihatkan unsur roh yang kembali untuk membalas dendam, yang sering dilihat dalam naratif hantu atau roh yang tidak tenteram.

Malam Satu Suro (1988)



Filem ini juga memaparkan elemen mistik dan roh yang kembali ke dunia manusia. Kisahnya berpusat pada watak Sundel Bolong yang menjelma semula untuk menuntut keadilan. Walaupun elemen reinkarnasi tidak disampaikan secara jelas, filem ini memperlihatkan bagaimana roh boleh menghidupkan semula konflik dan emosi dari kehidupan sebelumnya.

Reinkarnasi (2000)



Judul film ini secara jelas menunjukkan tema reinkarnasi, di mana watak utamanya mengalami kilas balik kehidupan lampau yang membawa kepada pengungkapan misteri dan konflik dalam kehidupannya sekarang. Film ini menyentuh tema spiritual dan kitaran kehidupan yang berkaitan dengan kepercayaan mistik atau tradisi kuno.

Jelangkung (2001)



Film seram ini mengetengahkan kisah sekelompok remaja yang memanggil roh melalui permainan mistik Jelangkung. Meskipun tema reinkarnasi tidak dominan, film ini melibatkan konsep roh yang tidak tenang dan kehidupan lampau yang berdampak pada masa kini, yang sering kali dikaitkan dengan idea kehidupan semula.

Dejavu: Ajian Puter Giling (2004)



Filem ini menggunakan unsur ilmu hitam dan mistik dalam konteks cerita di mana watak-watak utama mengalami kejadian berulang seakan-akan kehidupan masa lalu mereka mengganggu masa kini, hampir menyerupai idea reinkarnasi, walaupun lebih ke arah mistik.

Karma (2008)



Filem ini menggambarkan tema karma dan kehidupan semula di mana seorang wanita yang dibunuh pada kehidupan sebelumnya kembali untuk membalas dendam dalam bentuk penjelmaan baru. Elemen karma dan reinkarnasi digunakan untuk menggerakkan plot yang penuh misteri.



The Fountain (2006)



Filem ini menggabungkan tiga naratif masa: seorang konkuistador di Sepanyol abad ke-16, seorang saintis moden yang mencari penawar untuk kanser, dan seorang angkasawan di masa depan. Unsur reinkarnasi dalam filem ini dilihat melalui watak yang menghidupkan tema kehidupan dan kematian serta kitaran kelahiran semula.

Om Shanti Om (2007)



Filem Bollywood yang popular ini menceritakan tentang seorang pelakon yang terbunuh, kemudian dilahirkan semula untuk membalas dendam terhadap mereka yang bertanggungjawab atas kematiannya. Filem ini menggabungkan unsur komedi, drama, dan pembalasan dendam, dengan tema reinkarnasi sebagai plot utama.

Cloud Atlas (2012)



Filem ini, diadaptasi dari novel karya David Mitchell, menggambarkan enam kisah yang berlaku pada masa yang berbeza, dari zaman purba hingga ke masa depan. Tema utama filem ini adalah hubungan antara manusia melintasi kehidupan yang berulang, dengan penjelmaan semula dan karma menjadi elemen yang penting dalam naratifnya.

A Dog's Purpose (2017)



Filem ini berdasarkan novel karya W. Bruce Cameron dan menceritakan perjalanan seekor anjing melalui beberapa kehidupan yang berbeza, setiap kali dilahirkan semula sebagai anjing yang berbeza dengan pemilik yang berbeza. Tujuannya adalah untuk mencari makna hidup dan melayani pemilik-pemiliknyanya sepanjang hayat yang berulang.

Along with the Gods: The Two Worlds" (2017)



Mengisahkan seorang anggota bomba, Kim Ja-hong, yang meninggal dunia dan dibawa ke akhirat untuk menjalani tujuh ujian dalam masa 49 hari. Setiap ujian menilai dosa-dosanya semasa hidup, dan hasil penghakiman ini menentukan sama ada dia layak untuk dilahirkan semula atau dihukum di neraka. Tema reinkarnasi dalam filem ini menekankan kitaran kehidupan dan kematian, di mana setiap roh diberikan peluang untuk menebus dosa-dosa lalu dan memperoleh kehidupan baru berdasarkan karma. Kelahiran semula adalah ganjaran bagi roh yang berjaya membuktikan dirinya suci atau telah menebus kesalahannya.

Abyss (2019)



Drama Korea ini mengisahkan tentang dua individu yang mati dan dihidupkan semula dalam tubuh baru yang berbeza melalui bola misteri yang dikenali sebagai "Abyss." Ceritanya menyoroti tema peluang kedua dalam kehidupan dan bagaimana mereka cuba menyelesaikan misteri kematian mereka.

Avatar The Last Airbender



The poster for 'Avatar: The Last Airbender' features Aang, the young Avatar, in the center, surrounded by his friends and the four elements of nature. The text 'MASTER YOUR ELEMENT' is at the top, and 'THE LAST AIRBENDER' is at the bottom, along with 'ONLY ON NETFLIX | FEBRUARY 22'.

Tema reinkarnasi terpusat pada watak utama, Aang, yang merupakan Avatar, seorang makhluk yang dilahirkan semula berulang kali dalam kitaran. Avatar adalah penjaga keseimbangan dunia yang mampu menguasai keempat-empat elemen (air, tanah, api, udara) dan dilahirkan semula dari satu bangsa ke bangsa lain setiap kali Avatar sebelumnya meninggal dunia. Reinkarnasi Aang dalam siri ini menunjukkan bahawa Avatar mengekalkan ingatan dan kebijaksanaan dari kehidupan masa lalunya, yang membantu dalam menyelesaikan konflik semasa. Setiap Avatar membawa tanggungjawab yang besar untuk melindungi dunia, menjadikan reinkarnasi sebagai kitaran penebusan dan peluang untuk memperbaiki kesilapan masa lalu.

Tale of the Nine Tailed (2020)



The poster for 'Tale of the Nine Tailed' shows a man and a woman in a close embrace, with a full moon in the background. The text 'TALE OF THE NINE TAILED' is at the bottom.

Walaupun cerita ini lebih berfokus pada mitologi Korea dan makhluk legendaris, ada unsur kehidupan semula di mana watak utama yang merupakan gumiho (serigala berekor sembilan) yang hidup selama berabad-abad sambil mencari kekasihnya yang telah dilahirkan semula.

Wacana Patuh Syariah 1.0

Kesimpulan

JAKIM telah mengeluarkan satu garis panduan yang mengandungi 18 perkara khusus kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang penyiaran filem, drama, iklan, bahan audiovisual dan seumpamanya.

Garis panduan JAKIM sebagai rujukan utama untuk tindakan penguatkuasaan mana-mana akta, enakmen atau undang-undang di bawah agensi Kerajaan seperti Lembaga Penapis Filem, KDN, PDRM, SKMM dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri.

Pendirian JAKIM adalah membantu industri penyiaran dan perfileman agar terus berkarya asalkan tidak melampaui batas-batas agama.

**GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2015**

**GARIS PANDUAN
PENAPISAN KANDUNGAN
B A H A N - B A H A N
PENYIARAN BERUNSUR
I S L A M**

جهاز ترقية واز اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

DIREKTORAT KESELAMATAN DAN RISIKU SAS

**TERIMA KASIH ATAS
TUMPUAN ANDA**

DIREKTORAT KESELAMATAN DAN RISIKU SAS

YADIM
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA

WACANA PATUH SYARIAH 1.0

'Kreatif Lagi Faqih'

24 OKTOBER 2024
8.00 PAGI - 1.30 TENGAH HARI

MANOR HOUSE OF EVENTS,
KUALA LUMPUR

ANJURAN BERSAMA:
YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM)
DENGAN KERJASAMA
PERSATUAN PENERBIT TELEVISYEN MALAYSIA

MALAYSIA MADANI 50

www.yadim.com.my

'Melestarikan Gerakan Dakwah'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari



SALAM PERKENALAN

- Ketua JK Misi Akademik Pasca Siswazah, ACIS
- AJK Sidang Editorial Jurnal YADIM
- Panel Pakar Garis Panduan Patuh Syariah Filem/Drama, YADIM
- Panel Pakar Penilai Kandungan Video, OMMG Sdn. Bhd
- AJK Teknikal & Penilai Pengisian Podcast Bicara Harmoni, JPNIN
- Panel Pemeriksa Luar, UNISEL
- Penasihat, Persatuan Mahasiswa HARMONI UiTM Shah Alam
- Penasihat, Rakan Siswa YADIM UiTM Shah Alam

IKRAM

- Ketua IMAN (IKRAM Luar Negara)
- Ahli Dewan Perwakilan Nasional (DPN)

KOMUNITI

- Timbalan Nazir, Masjid Ar Raudhah U10 Shah Alam
- AJK Surau al-Ikhwan U10 Shah Alam
- Pemegang Tauliah Mengajar Negeri Selangor



PEMETEAAAN RUKUN DAKWAH & FILEM



- Majoriti ulama sepakat tentang kewujudan makhluk roh dan roh bersifat ghaib.
- Mereka juga sependirian bahawa manusia terdiri daripada dua unsur; roh dan jasad. Roh dicipta oleh Allah SWT daripada unsur yang tidak diketahui dan tiada bandingannya di alam nyata.
- Ilmu manusia tidak mampu menjangkau melebihi apa yang dikemukakan oleh wahyu.
- seseorang Muslim mestilah beriktikad bahawa hakikat dan sifat roh itu tidak seperti yang ada di alam nyata.

PENDAHULUAN




وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

Dan mereka bertanya kepadamu (Muhammad) tentang ruh. Katakanlah, "Ruh itu termasuk urusan Tuhanku, sedangkan kamu diberi pengetahuan hanya sedikit."

(Surah Al-Isra' ayat 85)

Syeikh Abdul Rahman al-Sa'di di dalam tafsirnya, Taysir al-Karim al-Rahman

- Ayat ini menunjukkan tentang kelemahan manusia iaitu dalam sesetengah perkara mereka tidak mampu untuk mencapai dan mengetahuinya. Disebabkan itu, Allah SWT memerintahkan Nabi Muhammad SAW agar menjawab persoalan mengenai roh ini dengan menyerahkan urusannya kepada Allah SWT.



- Roh ialah sesuatu unsur halus, tidak dapat dilihat dengan mata kasar atau dicapai oleh semua pancaindera manusia. Hadith menunjukkan bahawa roh ialah unsur yang berjisim, namun hakikat jisim itu hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja.



Jisim yang biasa tidak dapat diganti, dipisah-pisah mahupun dipecah-pecahkan, bahkan memberi kehidupan kepada jasad dengan segala kaitannya selagi jasad kasar itu wajar menerima curahan cahaya daripadanya dan selagi tidak ada hal-hal yang menghalang alirannya. Jika tidak demikian, matilah jasad itu.

(Al-Razi dan Ibn al-Qayyim : al-Ruh)



**PENDAPAT
ULAMA**



إِنَّ الرُّوحَ إِذَا قُبِضَ تَبِعَهُ البَصَرُ

Sesungguhnya roh itu apabila dicabut, ia akan diekori oleh pandangan mata.

(**Sahih Muslim**, 2: 634 (Kitāb al-Janaīz, Bāb fī Ighmāḍ al-Mayyit wa al-Du‘a’ lah Idhā Ḥudir, no. Hadith 920),

Imam al-Nawawi.

- Hadith di atas menjelaskan bahawa pandangan mata yang mengikuti pergerakan roh tujuannya untuk melihat ke arah mana roh akan pergi. Hadith ini menjadi hujah kepada ahli Kalam yang berpendapat bahawa roh adalah jisim halus yang meresapi badan. Roh bukan ‘arad (sifat) atau darah seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

Imam al-Ghazali & Abu Qasim al-Raghib al-Asfahani.

- Ruh juga bukanlah jisim dan bukan pula jenis jasmani. Ia berkaitan dengan tubuh sebagai pembimbing dan pengatur sahaja. (*Tafsir al-Maraghi*, 8/4020)

**PENDAPAT
ULAMA**



Sayyid Qutb

- Apabila mereka bertanya Rasulullah SAW mengenai ruh, maka Allah SWT memerintahnya supaya memberi jawapan kepada mereka bahawa ruh itu adalah urusan Allah SWT. Hanya ilmu Allah sahaja yang mengetahuinya dan tiada sesiapa pun yang mengetahui selain Allah. (*Fi Zilal al-Quran*, 10/261)

أَلَمْ تَرَوْا الْإِنْسَانَ إِذَا مَاتَ شَخَّصَ بَصْرُهُ؟ قَالُوا: بَلَى، قَالَ: فَذَلِكَ حِينَ يَتَّبِعُ بَصْرُهُ نَفْسَهُ



RUH (AL-RUH)

&

JIWA (AL-NAFS)



Tidakkah kamu melihat bahawa seorang insan apabila dia mati, matanya akan terbeliak? Mereka menjawab: Ya. Baginda berkata: Demikianlah (berlaku) apabila matanya mengekori jiwanya (melihatnya keluar).”(Muslim, *Sahih Muslim*, 2: 635 (Kitab al-Janaiz, Bab fi Shukhuṣ Baṣar al-Mayyit, no. Hadith 921).

Imam Nawawi


- Al-nafs yang dinyatakan dalam hadith ialah roh.

Al-Qaḍī ‘Iyāḍ

- Hadith ini menjadi hujah kepada pendapat yang mengatakan bahawa al-ruh dan al-nafs merupakan dua entiti yang sama.

(Al-Nawawī, *Sharḥ Sahih Muslim*, 6: 224.)

**KOLERASI RUH
& JASAD
BERDASARKAN
FASA**



Sumber : Dr Mohd Khairul Nazrin Mohd Nasir





وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firmanNya): “Bukankah Aku tuhan kamu?” Mereka semua menjawab: “Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi”. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: “Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini”.

**ALAM
ARWAH**



Surah al-a'raf ayat 172



أَنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضْغَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ، فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ وَيُؤَمَّرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: يَكْتُبُ رِزْقَهُ وَأَجَلِهِ وَعَمَلِهِ وَشَقِيًّا أَوْ سَعِيدًا.

**ALAM
DUNIA**
Dalam
Kandungan
Ibu
(janin)



“Sesungguhnya setiap kamu dikumpulkan penciptaannya di perut ibunya dalam keadaan air mani selama empat puluh hari, kemudian berubah menjadi seketul darah selama empat puluh hari, kemudian menjadi segumpal daging selama empat puluh hari. Kemudian diutus kepadanya malaikat untuk ditiupkan kepadanya roh dan (malaikat) diperintahkan untuk menetapkan empat perkara: Menetapkan rezekinya, ajalnya, amalnya dan kesudahannya sama ada derita atau bahagia.
(Al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 4: 111 (Kitāb Bad’ al-Khalq, Bāb Dhikr al-Malāikah, no. hadith 3208),

Hadith di atas menerangkan proses yang dilalui oleh janin sebelum ditiupkan roh kepadanya. Sebelum tempoh itu, janin adalah mawāt iaitu sesuatu yang tidak memiliki roh. (Al-Sārsārī, Sulaymān bin ‘Abd al-Qawiy al-Tufī, *al-Ta’yīn fī Sharḥ al-Arba’in* ed. Aḥmad Haj Muḥammad ‘Uthmān (Beirut: Muassasat al-Riyād, 1998), 1: 85.)



ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوْحِهِ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

Kemudian, Dia menyempurnakannya dan meniupkan roh (ciptaan)-Nya ke dalam (tubuh)-nya. Dia menjadikan pendengaran, penglihatan, dan hati nurani untukmu. Sedikit sekali kamu bersyukur.

Surah al-Sajdah 32: 9



Imam Al-Nawawi

- Peniupan roh berlaku setelah janin memiliki kesempurnaan sifat dan pancaindera. Perkara ini dipersetujui oleh para ulama. (Al-Nawawi, Sahrah Sahih Muslim, 16: 191 dan al-'Ayni, 'Umdat al-Qari, 3: 293.)

Tidur adalah fenomena yang mempunyai hubung langsung dengan roh. Terdapat beberapa hadith yang menjelaskan bahawa roh manusia meninggalkan jasadnya semasa tidur.

**ALAM
DUNIA**
**Ruh Bepisah
dari Badan
semasa Tidur**

إِنَّ اللَّهَ قَبَضَ أَرْوَاحَكُمْ حِينَ شَاءَ، وَرَدَّهَا عَلَيْكُمْ حِينَ شَاءَ

Sesungguhnya Allah SWT mencabut ruh-ruh kalian apabila Dia menghendakinya, dan Mengembalikan kepada kalian apabila Dia menghendakinya.

(Abu Dawud, Sunan Abu Dawud, 1: 330 (Kitab al-Salah, Bab man Nam 'an al-Salah aw Nasiyah, no. hadith 439),



Abu Qatadah RA meriwayatkan kisah Rasulullah SAW dan para sahabat tertidur dalam perjalanan pulang dari Hdaybiah. Mereka tertidur sehingga terlewat mengerjakan solat Subuh. Hadith di atas menggunakan kalimah **al-ruh**, yang merujuk kepada roh yang keluar pada waktu tidur,

Manakala al-Quran menggunakan kalimah **al-nafs** dalam firman-Nya:



اللَّهُ يَتَوَفَّى الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتِهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا فَيُمْسِكُ الَّتِي قَضَىٰ عَلَيْهَا
الْمَوْتَ وَيُرْسِلُ الْأُخْرَىٰ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى



"Allah (Yang Menguasai Segala-galanya), Dia mengambil dan memisahkan satu-satu jiwa daripada badannya, jiwa orang yang sampai ajalnya semasa matinya, dan jiwa orang yang tidak mati: dalam masa tidurnya; kemudian Dia menahan jiwa orang yang Dia tetapkan matinya dan melepaskan balik jiwa yang lain (ke badannya) sehingga sampai ajalnya yang ditentukan."

Sural Al-Zumar : 39: 42

Secara metaforanya, roh atau jiwa yang keluar dari seseorang semasa tidur adalah suatu separa kematian. Hal ini dijelaskan dalam hadith Hudhayfah bin al-Yamān RA. (Al- Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 8: 69 (Kitāb al-Da'awāt, Bāb ma Taqūl Idhā Nām, no. hadith, 6444),

Tafsir Tobari

- Ayat di atas juga menjadi dalil yang menunjukkan bahawa roh orang yang mati tidak akan kembali, bahkan Allah ﷻ yang berkuasa menahannya dari kembali ke dunia. Ini sepertimana riwayat daripada Sa'id bin Jubair Rahimahullah (tabi'en dan juga anak murid kepada Ibn 'Abbas R.) yang mana mengatakan bahawa telah dikumpulkan di antara roh-roh orang yang hidup dan yang telah mati (di dalam mimpi) kemudian Allah ﷻ menahan roh orang yang telah mati dan melepaskan roh orang yang hidup kepada jasadnya semula. Ianya juga adalah pendapat Ibn Zaid Rahimahullah.



Tafsir al-Tabari,
21/298-299



كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَوَى إِلَى فِرَاشِهِ قَالَ: اللَّهُمَّ بِاسْمِكَ أَمُوتُ وَبِاسْمِكَ أَحْيَا، وَإِذَا اسْتَيْقَظَ، قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَحْيَانَا بَعْدَ مَا أَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ



Nabi SAW ketika hendak berbaring di atas tilamnya, Baginda membaca “Ya Allah, dengan namaMu aku mati dan dengan namuMu aku hidup”. Dan apabila baginda tersedar, Dia membaca, “Segala bagi Allah yang menghidupkan kami selepas mematikan kami dan kepadaNya tepat Kembali.

(Abū Dāwūd, Sunan Abū Dāwūd, 1: 330 (Kitāb al-Ṣalāh, Bāb man Nām ‘an al-Ṣalāh aw Nasyihā, no. hadith 439),

- Rasulullah SAW mengajar adab dengan melakukan doa ketika hendak tidur dan ketika selepas bangun tidur yang diibaratkan ‘mati kecil’.



أَخْرَجَتْ إِلَيْنَا عَائِشَةُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا كِسَاءً مُلَبَّدًا، وَقَالَتْ: فِي هَذَا نُرْعُ رُوحَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

**ALAM
DUNIA**
Ruh dicabut
dari Jasad

Aisyah RA mengeluarkan kepada kami sehelai kain yang berlipat, lalu beliau berkata : “Dalam kain ini, ruh Nabi SAW telah dicabut (wafat semasa memakainya).”

(Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, 4: 83 (Kitāb Fard al-Kums, Bāb mā Dhukir min Dir’ al-Nabiy..., no. hadith 3108)



- Proses pertama saat berlaku kematian ialah roh dicabut daripada jasad. Telah dijelaskan sebelum ini bahawa roh yang keluar daripada jasad akan disusuli oleh pandangan mata. Sewaktu kematian, roh disifatkan sebagai suatu yang mampu dicabut, bukan keluar secara sukarela.

Setelah ruh keluar daripada jasad, maka roh disambut dua malaikat ke destinasi alam Barzakh.

**ALAM
BARZAKH**

**Ruh dicabut
dari Jasad**



إِذَا خَرَجَتْ رُوحُ الْمُؤْمِنِ تَلْقَاهَا مَلَكَانِ يُصْعِدَانِهَا قَالَ حَمَّادٌ: فَذَكَرَ مِنْ طَيْبٍ رِيحَهَا وَذَكَرَ الْمِسْكَ قَالَ: وَيَقُولُ أَهْلُ السَّمَاءِ: رُوحٌ طَيِّبَةٌ جَاءَتْ مِنْ قِبَلِ الْأَرْضِ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْكَ وَعَلَى جَسَدِكَ كُنْتَ تَعْمُرِينَهُ، فَيَنْطَلِقُ بِهِ إِلَى رَبِّهِ، عَزَّ وَجَلَّ ثُمَّ يَقُولُ: انْطَلِقُوا بِهِ إِلَى آخِرِ الْأَجَلِ، قَالَ: وَإِنَّ الْكَافِرَ إِذَا خَرَجَتْ رُوحُهُ قَالَ حَمَّادٌ: وَذَكَرَ مِنْ نَتْنِهَا وَذَكَرَ لَعْنًا وَيَقُولُ أَهْلُ السَّمَاءِ: رُوحٌ خَبِيثَةٌ جَاءَتْ مِنْ قِبَلِ الْأَرْضِ، قَالَ: فَيُقَالُ: انْطَلِقُوا بِهِ إِلَى آخِرِ الْأَجَلِ

Sahih Muslim, 4: 2202 (Kitab Sifat al-Jannah wa Sifat Na'imiha wa Ahliha, Bab 'Arj Maq'ad al-Mayyit min al-Jannah aw al-Nar 'Alayh, no. hadith 2872).

Apabila ruh orang mukmin keluar daripada jasadnya, ia akan disambut oleh dua orang malaikat yang akan membawanya naik, lalu Hammad (salah seorang perawi) berkata dan menyebutkan baunya yang harum seraya berkata: "Baunya seperti kasturi dan para penghuni langit berkata: "Telah datang ruh yang baik dari bumi, semoga Allah merahmatimu dan merahmati jasad yang telah kamu tinggalkan. Lalu ruh dibawa menghadap Tuhan 'azza wajalla. Kemudian ia berkata: Bawalah ia sampai ke tempat yang paling akhir." Dan sesungguhnya orang kafir apabila ruhnya keluar daripanya. Hammad berkata dengan menyebut baunya yang busuk dan cercaan yang ditujukan kepadanya, lalu para penghuni langit berkata, "Telah datang satu ruh yang buruk dari bumi. Ia berkata: lalu dikatakan, "Bawalah ia hingga sampai ke tempat yang paling akhir (SIJJIN



تَلَقَّتِ الْمَلَائِكَةُ رُوحَ رَجُلٍ مِمَّنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، قَالُوا: أَعَمِلْتَ مِنَ الْخَيْرِ شَيْئًا؟ قَالَ: كُنْتُ أَمُرُ فِتْيَانِي أَنْ يُنْظَرُوا وَيَتَجَاوَزُوا عَنِ الْمَوَسِيرِ، قَالَ: قَالَ: فَتَجَاوَزُوا عَنْهُ



Para malaikat menerima kedatangan roh seorang lelaki daripada kalangan generasi sebelum kalian. Para malaikat berkata, "Apakah engkau pernah melakukan sesuatu kebaikan? Orang ini mengatakan, "Saya pernah menyuruh budak suruhanku menanggungkan (pungutan hutang) dan memansuhkan (hutang) bagi orang yang tidak mampu membayarnya." Maka Allah berfirman, "Maka ampunkan dosanya.

- Ruh yang dibawa ke alam Barzakh turut berdialog dengan para malaikat. Hal ini adalah berdasarkan hadith Hudhayfah RA



**ALAM
BARZAKH**
Ruh Naik ke
Langit



فَيَفْتَحُ لَهُمْ فَيَسْبِعُهُ مِنْ كُلِّ سَمَاءٍ مُقَرَّبُوهَا إِلَى السَّمَاءِ الَّتِي تَلِيهَا حَتَّى يُنْتَهَى بِهِ إِلَى السَّمَاءِ السَّابِعَةِ فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: اكْتُبُوا كِتَابَ عَبْدِي فِي عِلِّيِّينَ وَأَعِيدُوهُ إِلَى الْأَرْضِ

Mereka (para malaikat) meminta dibukakan pintu langit, lalu ia dibuka. Selanjutnya setiap penjaga langit tersebut, mengiringi mereka hingga ke langit berikutnya, hingga sampai ke langit ketujuh. Allah azza wajalla berkata, "Tulislah catatan hamba-Ku di 'Illiyīn dan kembalikan ia ke bumi. (Musnad Ahmad, 30: 499 (no. hadith 18534), Ibn Mandah, al-Imān, 398, al-Mundhīrī, al-Targhīb wa al-Tarhī, 4: 280, al-Haythamī, Majma' al-Zawāid, 3: 52, al-Suyūṭī, Shāḥ al-Ṣudūr, 91 dan al-Albānī, Ṣaḥīḥ al-Jāmi', no. 1676.)

- Perjalanan di alam Barzakh bermula apabila roh menuju ke langit. **Roh orang yang baik dilayan dan disambut dengan baik** oleh para malaikat. Sebaliknya, **roh orang jahat dibawa naik ke langit, namun tidak dibenarkan melewati langit pertama.** Malah, roh itu dilayan dengan keras dan dihalau ke bumi.



حَتَّى يُنْتَهَى بِهِ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا فَيَسْتَفْتَحُ لَهُ، فَلَا يُفْتَحُ لَهُ فَيَقُولُ اللَّهُ، عَزَّ وَجَلَّ: اكْتُبُوا كِتَابَهُ فِي سِجِّينَ، فِي الْأَرْضِ السُّفْلَى فَتُطْرَحُ رُوحُهُ طَرَحًا

Sehingga ia (roh kafir) naik ke langit dan sampai ke langit pertama. Maka diminta keizinan untuk melepasinya. Namun ia tidak dibuka. Maka Allah azza wa jall berfirman: "Catatlah amalannya di Sijjīn di langit paling bawah." Lalu roh itu diusir. (Ibn'Abdal-Barr, al-Istidhkaṛ, 3:88.)



- Ruh orang kafir pula dibawa ke langit tetapi **tidak dibenarkan untuk melintasi langit pertama.**



قَالَ: فَتَعَادَ رُوحُهُ فِي جَسَدِهِ فَيَأْتِيهِ مَلَكَانِ فَيُجْلِسَانِهِ فَيَقُولَانِ لَهُ: مَنْ رَبُّكَ؟

Lantas roh itu dikembalikan lagi ke jasadnya, kemudian dua malaikat mendatangi dan mendudukkannya, lalu menanyakan: “Siapakah Tuhanmu? (Ibn’Abdal-Barr, al-Istidhkār, 3:88.)

ALAM

BARZAKH

Ruh Kembali ke Jasad dalam Kubur



- Hadith di atas secara menjelaskan bahawa roh akan kembali ke jasad dalam kubur.
- Kemudian melalui proses soal jawab antara malaikat dan orang mati dalam kubur.
- Pertanyaan itu diajukan kepada semua roh, sama ada baik atau jahat.
- Malaikat Munkar dan Nakir bertanya tiga soalan, iaitu tentang Tuhan, agama dan Rasulullah SAW

Kedudukan roh di alam Barzakh adalah berbeza-beza, menurut tingkatan amalan dan iman seseorang. Ibn al-Qayyim (membahaskan secara terperinci pendapat para ulama tentang destinasi roh di Barzakh. (Ibnal-Qayyim, al-Rūh, 90.)



Kedudukan Roh di Alam Barzakh

No.	Pendapat	Tokoh
1	Roh mukmin berada di sisi Allah, sama ada ia roh syuhada atau selainnya. Dikecualikan pelaku dosa besar dan penghutang.	Abū Hurayrah RA dan ‘Abdullah bin ‘Umar RA
2	Roh mukmin berada di pintu syurga	Tidak dinyatakan
3	Roh syuhada berada di syurga dan roh mukmin lain berada di halaman kubur	Ibn ‘Abd al-Barr
4	Roh itu bebas bergerak ke mana-mana tempat.	Mālik
5	Roh mukmin dalam syurga dan roh kafir dalam neraka	Aḥmad bin Ḥanbal
6	Roh mukmin di <i>al-Jābiyah</i> dan roh kafir dalam telaga <i>Burhūt</i> di Hadramawt.	Segelintir sahabat dan tabiin
7	Roh mukmin berada di bumi yang telah dijanjikan	‘Āmir bin ‘Abdillāh
8	Roh mukmin berada di <i>‘Ilīyyīn</i> di langit ketujuh dan roh kafir berada di <i>Sijjīn</i> di dasar bumi bersama Iblis	Ka’b bin Malik
9	Roh mukmin berada di telaga <i>Zamzam</i> dan roh kafir berada di telaga <i>Burhūt</i>	Tidak dinyatakan
10	Roh mukmin bergerak bebas di bumi dan roh kafir berada di <i>Sijjīn</i>	Salmān al-Fārisī
11	Roh mukmin berada di sebelah kanan Adam AS dan roh kafir berada di sebelah kirinya.	Tidak dinyatakan
12	Roh berada di tempat asalnya sebelum diciptakan jasad	Ibn Ḥazm
13	Roh berada di halaman kubur selama tujuh hari	Mujahid
14	Roh akan hilang, tiada di Barzakh	Tidak dinyatakan
15	Penjelmaan semula dalam badan manusia atau binatang	Pengikut kepercayaan reinkarnasi

Sumber: Ibn al-Qayyim, *al-Rūh*¹⁵⁶



**ALAM
BARZAKH**
Ruh Orang
Mati Tidak
Pulang ke
Alam Dunia



{حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ رَبِّ ارْجِعُونِ (99) لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا
كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَىٰ يَوْمِ يُبْعَثُونَ (100) }

Kesudahan golongan yang kufur ingkar itu apabila sampai ajal maut kepada salah seorang di antara mereka, berkatalah ia: "Wahai Tuhanku, kembalikanlah daku (hidup semula di dunia) - "Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara- perkara yang telah aku tinggalkan". Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang ia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh (yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat).

Al-Mu'minuun 23: 99-100

- Roh yang berada di alam Barzakh meminta untuk dihantar pulang ke dunia, kerana penyesalan atas kelalaian. Sehubungan dengan itu, al-Quran mengemukakan permintaan yang dikemukakan oleh orang kafir dan pelaku maksiat tetapi **tidak diendahkan (tidak boleh pulang ke alam dunia)**



إِذَا رَأَىٰ مَا فُسِّحَ لَهُ فِي قَبْرِهِ، يَقُولُ: دَعَوْنِي أُبَشِّرُ أَهْلِي فَيَقَالَ لَهُ: اسْكُنْ

Apabila dia (orang mukmin) melihat apa yang dilapangkan dalam kuburnya, dia berkata, "Biarkan saya (pulang) memberitahu khabar gembira kepada keluarga saya." Maka dikatakan kepadanya, "Tetaplah kamu (di situ)."

(Ahmad, Musnad Ahmad, 22: 415 (no. hadith 14547), Ibn al-Qayyim, al-Ruh, 1: 396 dan al-Albānī, al-Silsilah al-Sahīhah, no. 1344)

- Ruh orang mukmin pun tidak dibenarkan pulang ke alam dunia

Tahḍīr atau istihḍār al-Arwaḥ merujuk kepada aktiviti memanggil roh orang mati, hantu atau makhluk ghaib supaya datang.

(JAKIM, Garis Panduan Bahan Penerbitan, 4.)

TAḤḌĪR AL-ARWAḤ (Menghadirkan roh orang mati)



- Amalan ini dilaksanakan oleh golongan shamanism, yang dikenali dengan pelbagai nama, seperti dukun, pawang, bomoh, tok batin dan sebagainya. Tahḍīr al-Arwaḥ juga pada kebiasaannya dilakukan di tanah-tanah perkuburan disertai dengan pemujaan kubur (*Monika @ Munirah Abd Razzak, et. al. "Pengaruh Filem Terhadap Akidah Muslim: Analisis Unsur- Unsur Syirik dalam Tiga Filem Seram," (kertas persidangan International Conference on Islamic Jurisprudence (ICIJ), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016) 480.*)
- Dalam sesetengah kenduri kematian, kemenyan dibakar sebelum majlis tahlil dimulakan. Ia dianggap sebagai isyarat kepada roh orang mati, bahawa majlis akan dimulakan. (*Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, "Kepercayaan Animisme Menurut Perspektif Sunah: Kajian Terhadap Kalangan Imam dan Remaja Di Daerah Pitas, Sabah," (disertasi sarjana Usuluddin- al-Hadith, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2017), 203.*)

Merujuk kepada aktiviti pemujaan roh orang mati dengan menghadirkannya untuk tujuan tertentu. Merangkumi tindakan memelihara roh atau jin dengan tujuan menjadikan sebagai khadam atau penolong

JAKIM, Garis Panduan Bahan Penerbitan, 4.)

ISTIKHDAM/ TASKHIR AL-ARWAḤ (Mempergunakan roh)



- Individu yang dikenali sebagai bomoh, dukun atau pawang dianggap mengetahui selok-belok tentang alam mistik, mempunyai pertalian dengan dimensi lain, memelihara roh, menyeru roh, mengusir roh jahat dan memulihkan semangat seseorang pesakit. (*McHugh, James Noel, Hantu hantu: An Account of Ghost Belief in Modern Malaya (Singapura: D. Moore, 1955), 109.*)
- Taskhīr al-Arwaḥ juga boleh berlaku apabila roh itu dijelmakan kepada manusia dengan jasad lahiriah. Antara caranya adalah dengan mencari puntianak dan mencucuk di lehernya dengan paku. Dipercayai roh itu akan bertukar menjadi wanita cantik (*Filem Paku Pontianak*)
- Jenis-jenis penggunaan roh untuk tujuan tertentu telah diserapkan dalam filem-filem seram bagi tujuan mempraktikkan ilmu hitam, (*Kadek mempraktikkan ilmu Pak Pong dengan memuja mayat seorang penjenayah bernama Karim bin Sabun. Kadek kemudiannya memiliki rupa dan perwatakan seperti Karim (Pak Pong, 2017, minit 38: 15).*)

Istinzal al-Arwah ditakrifkan sebagai penurunan roh atau menurun (JAKIM, Garis Panduan Bahan Penerbitan, 4.)

INTIZAL AL-ARWAH (Menurun)



- Roh dipercayai dapat memasuki badan seseorang melalui saluran mimpi, latihan pernafasan dan meditasi (Gabriel Facal, Keyakinan dan Kekuatan: Seni Bela Diri Silat Banten (Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia, 2016), 66 dan 84.
- Dalam pada itu, permainan Spirit of the Coins untuk memanggil roh turut menyebabkan orang yang bermain dirasuk oleh roh. (*Badan Noraiza telah dimasuki roh asing semasa bermain permainan seruroh menggunakan papan ouiji (Damping Malam, 2010).*)
- Antara tujuan ritual ini dilakukan adalah sebagai kaedah dalam perubatan tradisional. Tujuannya untuk merawat penyakit dan urutan tradisional.
- Selain itu, menurun juga dilakukan untuk memulihkan pesakit yang terkena sihir, dirasuk hantu, ilmu guna-guna, santau, keteguran dan sebagainya. Terdapat pelbagai konotasi yang merujuk kepada aktiviti menurun seperti “membagih” dan Main Peteri oleh Melayu Kelantan, upacara Anding bagi suku Kadayan di Sabah, serta “Dayango” di Indonesia.

KESIMPULAN



- Sentiasa peka dan perihatin terhadap isu RUH berdasarkan kerangka al-Quran dan Hadis.
- Pemain industri boleh menjana idea kreatif selagi tidak melangkaui had dan Batasan.
- Rujuk kepada pakar bidang bagi mendapatkan nasihat.
- Karya kreatif memberi ruang dan peluang untuk menyampaikan dakwah secara santai tapi sampai.



WACANA PATUH SYARIAH 1.0 INDUSTRI KANDUNGAN KREATIF

LAKONAN WATAK MALAIKAT DALAM FILEM MELAYU



PROF. MADYA DR ROSMAWATI MOHAMAD RASIT
PUSAT KAJIAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN
FPI UKM

ISLAM DAN SENI KREATIF

PENGENALAN


- Islam menerima penceritaan melalui seni drama atau filem, tetapi mesti mematuhi syarat-syarat tertentu agar tidak melanggar hukum syarak.
- Dalam Islam, penggunaan seni seperti drama dan filem sebagai medium dakwah atau penyampaian mesej adalah diharuskan, asalkan ia mematuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh syariat.
- Keharusan ini bertolak daripada prinsip bahawa Islam adalah agama yang meraikan kreativiti dan seni, selagi ia selaras dengan nilai-nilai Islam dan tidak bertentangan dengan hukum syarak.
- Seni adalah salah satu cara untuk menyampaikan nilai-nilai positif, menanamkan pemahaman, dan membangunkan masyarakat, namun terdapat panduan yang perlu diikuti.




Dogma (1999)

Dogma (1999) ialah filem satira fantasi arahan Kevin Smith yang mengupas tema keagamaan, terutamanya berkaitan Kristian dan Katolik. Ceritanya mengisahkan dua malaikat yang jatuh, Loki (Matt Damon) dan Bartleby (Ben Affleck), yang cuba mencari jalan untuk kembali ke syurga dengan memanipulasi doktrin Katolik. Namun, rancangan mereka berisiko memusnahkan alam semesta.

Michael (1996) ialah sebuah filem komedi drama fantasi yang mengisahkan tentang seorang malaikat bernama Michael (lakonan John Travolta) yang turun ke bumi untuk membantu manusia. Walaupun digambarkan sebagai malaikat, Michael memiliki sifat manusia seperti suka merokok, minum alkohol, dan bersikap kasar. Namun, dia tetap mempunyai misi khas untuk membantu manusia mencari kebahagiaan dan memahami cinta.



Michael (1996)



The Prophecy (1995)

The Prophecy (1995) adalah film seram fantasi yang mengisahkan peperangan antara malaikat di surga. Cerita ini berpusat pada malaikat Gabriel (lakonan Christopher Walken), yang turun ke bumi untuk mencari jiwa seorang manusia jahat yang mampu memberinya kuasa untuk mengalahkan malaikat yang setia kepada Tuhan. Gabriel percaya manusia tidak layak disayangi Tuhan, dan dia ingin menamatkan pemerintahan manusia.

City of Angels (1998) ialah sebuah film romantik fantasi yang mengisahkan malaikat bernama Seth (lakonan Nicolas Cage) yang bertugas membimbing roh manusia yang baru meninggal dunia. Ketika menjalankan tugasnya, Seth bertemu dengan Maggie (Meg Ryan), seorang pakar bedah yang bergelut dengan kematian seorang pesakit. Seth jatuh cinta kepadanya dan mula mempersoalkan kehidupannya sebagai malaikat, yang tidak boleh merasai emosi atau menikmati kehidupan manusia.



City of Angels (1998)




Angel's Last Mission: Love (2019)

Angel's Last Mission: Love ialah drama Korea yang ditayangkan pada tahun 2019, bergenre romantik fantasi. Ia mengisahkan tentang malaikat bernama Dan (lakonan Kim Myung-soo), yang dikenakan tugas terakhir untuk membantu seorang wanita yang dingin dan berhati keras, Lee Yeon-seo (lakonan Shin Hye-sun), untuk menemui cinta sejati. Yeon-seo ialah seorang ballerina yang berbakat, tetapi kehidupannya berubah setelah satu kemalangan tragis menyebabkan dia kehilangan penglihatan dan keyakinan terhadap cinta dan kehidupan.



Love is Cinta (2007)

Love Is Cinta 2007 filem Indonesia ■ genre romantic fantasy ~ Hero bertemu malaikat untuk bolehkan rohnya masuk dalam badan orang lain untuk dia dapat bertemu heroin untuk lafazkan cinta sebelum tubuhnya diangkat ke langit oleh malaikat berkepala botak.



Split Gravy(2022)

Split Gravy 2022 Malaysia 🇲🇾 menang filem terbaik Festival Filem Malaysia ke 32 pada December 2022. Kisah seorang bapa rasa dia tidak punya masa yang panjang untuk hidup. Dia jemput semua semua anak-anaknya datang makan malam untuk bincang hal wasiat. Tetapi lawatan tidak dijangka dua malaikat berupa manusia yang memakai suit lengkap warna putih telah menyebabkan si bapa menukar rancangannya.

IRSYAD HUKUM SIRI KE-745

HUKUM MELAKONKAN WATAK MALAIKAT DALAM FILEM

9 Jan 2023

Babak Lakonan Malaikat

Sebab larangan - merendahkan kedudukan malaikat sebagai makhluk suci

Malaikat adalah makhluk yang mempunyai kedudukan dan keistimewaannya dalam Islam khususnya kerana mereka ini ialah makhluk yang taat dalam melaksanakan perintah Allah SWT.



سورة الحج (75):

اللَّهُ يَصْطَفِي مِنَ الْمَلَائِكَةِ رُسُلًا وَمِنَ النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ
بَصِيرٌ ٧٥

Maksudnya: Allah memilih utusan-utusanNya dari malaikat dan dari manusia; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Dalil

- Ibn Kathir menjelaskan bahawa Allah SWT memilih malaikat sebagai utusan-Nya merupakan sebahagian daripada syarak dan kekuasaan-Nya. Begitu juga dengan memilih utusan dalam kalangan manusia untuk menyebarkan risalah-Nya. Oleh itu, jelaslah bahawa malaikat merupakan salah satu ciptaan Allah SWT yang mulia.

IRSYAD HUKUM SIRI KE-745
HUKUM MELAKONKAN WATAK MALAIKAT DALAM FILEM

Babak Lakonan Malaikat

Sebab larangan - kehadiran yang hanya diketahui menerusi wahyu

Perihal dan keadaan malaikat hanya dapat diketahui melalui wahyu Allah SWT. Rupa paras malaikat dapat dilihat dalam bentuk manusia yang diperintahkan oleh Allah SWT. Selain itu, malaikat juga dapat dilihat dalam bentuk tersebut dengan izin Allah SWT. Para malaikat ini tidak dapat diketahui perihal keadaan mereka oleh nabi sendiri melainkan terdapatnya wahyu daripada Allah SWT.



Dalil

- Firman Allah SWT dalam Surah Hud, ayat 70
فَلَمَّا رَأَىٰ أَيْدِيَهُمْ لَا تَصِلُ إِلَيْهِ نَكِرَهُمْ وَأَوْجَسَ مِنْهُمْ خِيفَةً
قَالُوا لَا تَخَفْ إِنَّا أُرْسِلْنَا إِلَىٰ قَوْمِ لُوطٍ ۗ
- Maksudnya: "Maka apabila ia (Nabi Ibrahim) melihat tangan mereka tidak menyentuh hidangan itu, ia merasa pelik akan hal mereka serta merasa takut daripada keadaan mereka. (Melihat kecemasannya) mereka berkata: 'Janganlah engkau takut wahai Ibrahim, sebenarnya kami ini diutus kepada kaum Lut (untuk membinasakan mereka).'"

Dalam Tafsir al-Tabari - Kisah Nabi Ibrahim AS yang menerima kehadiran kelompok malaikat dalam bentuk wajah sekumpulan pemuda. Nabi Ibrahim AS timbul rasa ragu-ragu dan takut apabila melihat sekumpulan pemuda itu tidak makan hidangan yang disediakan oleh baginda. Lalu pemuda-pemuda itu menenangkan Baginda dengan menjelaskan bahawa mereka adalah malaikat yang tidak makan hidangan tersebut serta utusan daripada Allah SWT yang membawa azab kepada kaum Lut.

IRSYAD HUKUM SIRI KE-745

HUKUM MELAKONKAN WATAK MALAIKAT DALAM FILEM

Babak Lakonan Malaikat

Sebab larangan - mengadaptasi konsep Barat dalam genre perfileman

Pengaruh ideologi Barat telah menyebabkan terdapat beberapa filem menggambarkan malaikat dengan rupa seperti manusia, sedangkan malaikat termasuk dalam perkara al-Ghaibiyat yang tidak boleh dilihat atau dirasakan oleh pancaindera manusia biasa. mencemarkan pemahaman akidah umat Islam mengenai perkara ghaib.



«مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ»

Terjemahan: "Barangsiapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk dari mereka."

(Hadis Riwayat Abu Dawud, No. 4031; Tirmidzi, No. 2695)

Dalil

- Gambaran malaikat dalam bentuk manusia ini berasal dari karya seni Barat, yang tidak sesuai dengan ajaran Islam.
- Dalam Islam, malaikat adalah makhluk ghaib, dan rupa mereka hanya diketahui melalui wahyu.
- Menggambarkan malaikat seperti manusia boleh menyebabkan kekeliruan dan mencemarkan pemahaman akidah umat Islam mengenai perkara ghaib.

Pandangan hukum haram

menurut ulama moden

**Dr Abdei Hay Azab
Ulama al-Azhar**

Tidak dibenarkan memberi rupa paras kepada malaikat dalam karya seni

**Dr Ahmad Raissouni
Ulama Maghribi**

Tidak dibenarkan untuk menggayakan watak para nabi dan malaikat dalam bentuk sebenar atau keadaan yang melambangkan mereka.

**Majlis Ulama Kanan Arab
Saudi**

Menggambarkan watak para nabi, malaikat, Khulafa' ar-Rashidin dan sahabat merupakan perbuatan tercela.

سد الذرائع Kaedah Sadd al-Dharai'

Sebuah prinsip dalam hukum Islam yang bermaksud "menutup jalan-jalan yang membawa kepada kemudaratan atau perkara haram."

Hukum Islam

Melarang keras lakonan watak malaikat

lakonan manusia sebagai watak malaikat adalah haram kerana ia membuka ruang untuk golongan yang berniat jahat menggunakan peluang untuk berkarya dalam filem bagi menghina Islam.

Oleh itu, segala gambaran imej malaikat dalam lakonan tersebut yang tidak bertepatan dengan al-Quran dan sunnah adalah dilarang. Larangan ini termasuk dengan perkataan atau perbuatan seperti melukis, bertindak, bercakap atau sebaliknya.

Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam JAKIM 2015

Tidak Melakonkan Atau Menggambarkan Sebarang Ilustrasi Atau Watak Para Nabi, Malaikat, Syaitan dan Perkara-perkara Sam'iyat dan Ghaibiyat.

JAKIM

G A R I S P A N D U A N
P E N A P I S A N K A N D U N G A N
B A H A N - B A H A N
P E N Y I A R A N B E R U N S U R
I S L A M

17

